

**KAJIAN MENGENAI IMPAK *ISLAND HOPPING* DI KEPULAUAN
WARISAN MERSING, JOHOR TERHADAP PIHAK
BERKEPENTINGAN**

SYED AFIQ NAJMI BIN SYED NASIR

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN

KEPUJIAN

KELANTAN

2024



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN MENGENAI IMPAK *ISLAND HOPPING* DI KEPULAUAN
WARISAN MERSING, JOHOR TERHADAP PIHAK
BERKEPENTINGAN**

Oleh

SYED AFIQ NAJMI BIN SYED NASIR

Projek Penyelidikan Ini Dibuat Bagi Memenuhi Syarat Bagi Ijazah Sarjana
Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

.....
(SYED AFIQ NAJMI BIN SYED
NASIR)

.....
(DR.NORAZLINDA BINTI
MOHAMED ROSDI)

Tarikh :15/2/2024

Tarikh :

Nota: *Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan Bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekata.

I here by certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution

OPEN ACCESS I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or online open access (full text)

EMBARGOES I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or On-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.
Date from _____ until _____


CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization Where research was done)*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.


1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Signature



(SYED AFIQ NAJMI BIN SYED NASIR)

Signature of Supervisor



(DR. NORAZLINDA BINTI MOHAMED ROSDI)

Date: 15/2/2024

Date:

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T dengan berkat dan keizinan dari-Nya, maka saya telah dapat menyiapkan projek penyelidikan dengan jayanya. Insyallah hasil kajian ini akan memberikan banyak kebaikan dan manfaat kepada saya dari aspek pengetahuan dan pengalaman semasa membuat kajian dan pada masa hadapan.

Saya Syed Afiq Najmi Bin Syed Nasir ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Dr. Norazlinda binti Mohamed Rosdi kerana tidak jemu-jemu memberi bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan sokongan dalam memastikan saya dan rakan-rakan memperoleh hasil kajian projek penyelidikan yang cemerlang.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih khusus kepada ibu saya Noridah Binti Omar yang turut banyak membantu dan memberi sokongan untuk menyiapkan kerja-kerja ini. Tanpa sokongan dan doa daripada ibunda mungkin saya tidak dapat menyiapkan kerja seperti ini kerana untuk menyiapkan tugas ini memerlukan motivasi, usaha dan wang ringgit.

Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada rakan-rakan saya terutamanya rakan serumah dan rakan dalam kelas projek penyelidikan serta lain-lain lagi yang telah banyak membantu, memberi semangat serta cadangan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang menyiapkan tugas ini. Hanya Allah sahaja dapat membalas budi kalian.

KAJIAN MENGENAI IMPAK *ISLAND HOPPING* DI KEPULAUAN WARISAN MERSING, JOHOR TERHADAP PIHAK BERKEPENTINGAN

ABSTRAK

Industri pelancongan negara Malaysia telah berkembang pesat dan menjadi antara penyumbang utama ekonomi negara. Zon pinggir pantai atau pulau menjadi telah menjadi daya tarikan pelancong sejak dahulu lagi. Aktiviti *island hopping* adalah satu daya tarikan pelancongan yang baru dalam negara. *Island hopping* adalah satu aktiviti pelancongan yang membawa pelancong menjelajahi pulau. Dalam mengusahakan aktiviti pelancongan ini, pihak berkepentingan memainkan peranan yang penting dalam perkembangan aktiviti *island hopping* ini. Aktiviti *island hopping* telah memberi kesan yang positif kepada daerah Mersing kerana secara tidak langsung dapat memperkenalkan daerah itu kepada masyarakat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti aktiviti *island hopping* dilakukan, impak yang diterima oleh pihak berkepentingan dan usah pelestarian di kepulauan warisan Mersing, Johor. Hasil kajian ini mendapati bahawa impak yang diterima daripada aktiviti *island hopping* ini bukan sahaja kepada masyarakat sahaja malah kepada pihak berkepentingan juga.

Kata kunci: kepulauan warisan Mersing, *island hopping*, pihak berkepentingan

STUDY ON THE IMPACT OF ISLAND HOPPING IN MERSING HERITAGE ISLANDS, JOHOR TO INTERESTED PARTIES

ABSTRACT

Malaysia's tourism industry has grown rapidly and is one of the main contributors to the country's economy. Coastal zones or islands have been an attraction for tourists since time immemorial. Island hopping is a new tourist attraction in the country. Island hopping is a tourism activity that takes tourists to explore islands. In working on this tourism activity, stakeholders play an important role in the development of this island hopping activity. The island hopping activity has had a positive effect on the Mersing district because it can indirectly introduce the district to the community. Therefore, this study aims to identify the island hopping activities carried out, the impact received by stakeholders and conservation efforts in the heritage islands of Mersing, Johor. The results of this study found that the impact received from this island hopping activity is not only for the community but also for stakeholders.

Keywords: Mersing heritage islands, island hopping, stakeholders

ISI KANDUNGAN

| | |
|-------------------------------|-----|
| PERAKUAN TESIS | i |
| THESIS DECLARATION | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | iii |
| ABTRACT | v |
| ISI KANDUNGAN | vi |
| SENARAI GAMBAR | vii |
| SENARAI JADUAL | vii |
| SENARAI RAJAH | vii |
| | |
| BAB I: PENDAHULUAN | |
| | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang | 3 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 5 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 6 |
| 1.5 Objektif Kajian | 7 |
| 1.6 Skop Kajian | 7 |
| 1.7 Kepentingan Kajian | 8 |
| (i) Individu | 9 |
| (ii) Masyarakat | 9 |
| (iii) Institusi | 9 |
| (iv) Kerajaan | 9 |
| 1.8 Kesimpulan | 10 |
| | |
| BAB II: SORATAN KAJIAN | |
| | |
| 2.1 Pengenalan | 12 |
| 2.2 Definisi Pelancongan | 12 |

| | | |
|-----|--|----|
| 2.3 | Tipologi Pelancongan | 14 |
| 2.4 | Ekopelancongan | 15 |
| 2.5 | Pembangunan Pelancongan | 18 |
| 2.6 | Pelancongan Pulau / Tourism Island | 20 |
| 2.7 | Peranan Pihak Berkepentingan Dalam Konteks Pelancongan | 21 |
| 2.8 | Kerangka Teori : Teori Persepsi (Rhenald Kasali,2006) | 24 |
| 2.9 | Kesimpulan | 28 |

BAB III : METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-----|-------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 30 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 30 |
| | 3.2.1 Pendekatan Kajian | 32 |
| 3.3 | Kaedah Kajian | 33 |
| | 3.3.1 Data Primer | 33 |
| | 3.3.2 Data Sekunder | 34 |
| 3.4 | Analisis Kajian | 35 |
| | 3.4.1 Analisis Tematik | 36 |
| 3.5 | Alat Bantuan Kajian | 37 |
| | 3.5.1 Telefon Pintar | 38 |
| | 3.5.2 Buku Catatan | 38 |
| 3.6 | Kesimpulan | 39 |

BAB IV: DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-----|---|----|
| | Pengenalan | 40 |
| 4.1 | Analisis Data | 40 |
| | 4.1.1 Kaedda Temubual | 41 |
| 4.2 | Aktiviti Island Hopping Di Kepulauan Warisan Mersing, Johor | 45 |
| | 4.2.1 Aktiviti island hopping dijalankan | 45 |

| | | |
|------------------------|--|----|
| 4.2.2 | Pulau yang terlibat dengan aktiviti island hopping | 47 |
| 4.2.3 | Daya tarikan pelancong di kepulauan warisan Mersing, Johor | 49 |
| 4.2.4 | Kepelbaggian aktiviti di kepulauan Mersing, Johor | 51 |
| 4.3 | Impak Yang Diterima Oleh Pihak Berkepentingan Daripada Aktiviti Island Hopping | 53 |
| 4.3.1 | Impak Positif | 53 |
| 4.3.2 | Impak Negatif | 57 |
| 4.4 | Strategi dan Usaha Dalam Kelestarian di Kepulauan Warisan Mersing, Johor | 61 |
| 4.4.1 | Usaha pelestarian dalam konteks pelancongan | 61 |
| 4.4.2 | Usaha pelestarian dalam konteks sejarah atau warisan | 65 |
| 4.4.3 | Cabaran dalam usaha pelestarian | 66 |
| 3.6 | Kesimpulan | 68 |
| BAB V : PENUTUP | | |
| 5.0 | Pengenalan | 70 |
| 5.1 | Rumusan | 71 |
| 5.2 | Cadangan dan Saranan | 74 |
| 5.2.1 | Masyarakat | 74 |
| 5.2.2 | Pihak Berkepentingan | 75 |
| 5.2.3 | Media Massa | 76 |
| 5.3 | Kesimpulan | 77 |
| | Rujukan | 78 |
| | Lampiran | 80 |

SENARAI GAMBAR

| NO. GAMBAR | | HALAMAN |
|-------------------|-------------------------------------|----------------|
| Gambar 1 | Pakej island hopping | 47 |
| Gambar 2 | Pulau Harimau, Mersing | 49 |
| Gambar 3 | Laporan Akhbar | 50 |
| Gambar 4 | Aktiviti Hiking di Pulau Sri Buat | 52 |
| Gambar 5 | Aktiviti Hiking di Pulau Sibu Kukus | 52 |
| Gambar 6 | Tempat Scuba Diving | 52 |
| Gambar 7 | Logo METOS | 61 |
| Gambar 8 | Logo STM | 63 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | | HALAMAN |
|-------------------|---------------------------|----------------|
| 1 | Kod Responden dan Peranan | 42 |
| 2 | Demografi Responden | 43 |
| 3 | Borang Temu bual | 44 |

SENARAI PETA

| NO. PETA | | HALAMAN |
|-----------------|--------------------------------|----------------|
| 1 | Peta Kepulauan Warisan Mersing | 8 |

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH | | HALAMAN |
|------------------|-------------------------|----------------|
| 1 | Proses Analisis Tematik | 36 |

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pelancongan merupakan industri yang terpenting dalam pembangunan ekonomi negara dan menjadi penyumbang utama. Definisi pelancongan sememangnya membawa maksud yang banyak dan sukar untuk difahami kerana ia tidak memberi penjelasan yang terperinci apa yang dimaksudkan sebagai pelancongan dan apakah potensi yang dinyatakan dalam penglibatan dalam pembangunan sektor pelancongan. Sebagai contoh yang boleh dilihat definisi pelancongan oleh Leiper (1981), pelancongan merupakan sebagai suatu sistem terbuka yang mempunyai hubungan dengan persekitaran yang luas, elemen manusia iaitu pelancong, elemen kawasan iaitu kawasan asal, kawasan persinggahan dan kawasan destinasi yang terpilih dan elemen ekonomi iaitu industri pelancongan. Selain itu, pelancongan didefinisikan sebagai individu yang mengembara bagi tujuan berehat jauh dari tempat asal mereka selama lebih dari satu hari (Batta, 2000).

Manakala, menurut Jafari (1977), pelancongan merupakan kajian terhadap manusia yang keluar daripada zon sendiri serta penglibatan industri yang memberi tindak balas kepada kemahuan seseorang. Selain itu, impak yang diterima terhadap pelancong dan industri pelancongan itu sendiri. Sehubungan dengan itu kewujudan pelbagai definisi yang lain telah memberi keluasan yang meluas dalam menentukan definisi yang jelas. Definisi pelancongan mempunyai maksud yang berbeza-beza bergantung kepada persepsi atau pandangan seseorang terhadap sesuatu perkara. Hal ini diambil kira penglibatan seseorang secara formal atau tidak formal dalam industri pelancongan. Seterusnya, kajian

Leiper (1981) ini sesuai dalam kajian yang dilakukan kerana system yang terbuka yang dikatakan memberi perluasan yang besar dalam pelancongan.

. Ceballos-Lascurain (1996), ekopelancongan merupakan aktiviti pelancongan yang berkaitan dengan alam semula jadi dengan menikmati keindahan alam sekitar. Ia juga memberi pengalakkan terhadap pemeliharaan alam sekitar Malaysia merupakan sebuah negara destinasi pilihan pelancongan untuk dilawati kerana dikenali sebagai sebuah negara beriklim berkhatulistiwa dan kaya dengan alam semula jadi yang menarik. Ekopelancongan telah memberi impak yang positif terhadap alam sekitar supaya dijaga dengan lebih baik. Malaysia mempunyai banyak lokasi ekopelancongan yang mendapat perhatian dari pelancong luar dan dalam negara.

Perkembangan pelancongan dunia digambarkan berlaku sejak 5000 tahun yang lalu sejajar dengan revolusi perindustrian di negara dalam benua Eropah dan Amerika Syarikat Utara. Hal ini disebabkan oleh faktor kewujudan industri perdagangan, ketenteraan dan penjajahan yang berlaku. Menurut Goeldner (et.al, 2000), setelah perang dunia kedua, peningkatan ekonomi dan sosial dialami sehingga membawa kepada pembangunan ekonomi, pertumbuhan bandar dan kemajuan pengangkutan. Peningkatan ini telah membawa kepada permintaan untuk rekreasi. Pada sekitar tahun 60-an, sektor pelancongan menjadi industri yang baru untuk dikembang. Kini, pelancongan bukan sahaja berperanan sebagai aktiviti rekreasi merehatkan diri, malah sebagai asas dalam pengenalan dan pemahaman tentang budaya asing (Badaruddin. M & Nikmatul .A. N., 2007).

Industri pelancongan menjadi satu aset yang terpenting dalam menyumbang pendapatan kepada sesebuah negara. Pada 1970-an, industri pelancongan mula dibangunkan untuk memenuhi peningkatan pendapatan dalam pertukaran wang asing, meningkat peluang pekerjaan, menggalakkan pembangunan dan mempelbagaikan sektor ekonomi negara (Ghazali Musa, 2000). *Tourism Development Corporation of Malaysia (TDC)* yang ditubuhkan pada 1972 bertindak sebagai badan berkanun yang bertanggungjawab untuk menjalankan pembangunan pelancongan di Malaysia. Ia diwujudkan atas faktor bertujuan disebabkan keseriusan negara bagi mengembangkan industri pelancongan dalam negara. Pada tahun 1987, Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan telah ditubuhkan untuk memainkan peranan penting dalam penyediaan insentif, meningkatkan kemudahan fasiliti, memperbanyakkan promosi dan menyediakan peruntukan untuk mengembangkan industri pelancongan. Tahun Melawat Malaysia yang pertama dibuat pada 1990 dengan industri pelancongan menjadi sumber pendapatan utama negara melalui pertukaran wang asing. Menurut Badaruddin. M dan Nikmatul. A. N. (2007), penglibatan kerajaan dilihat sebagai faktor penyumbang kepada pertumbuhan industri pelancongan yang berlaku. Kini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menjadi penerus kepada dasar negara dalam pertumbuhan industri pelancongan.

1.2 LATAR BELAKANG

Johor adalah sebuah negeri yang berada di selatan semenanjung Malaysia dan bersebelahan dengan Singapura. Kedudukan Johor yang berdekatan dengan negara jiran menyebabkan kehadiran pelancong asing semakin meningkat (*Utusan*, Jun 2022). Hal ini membantu dalam meningkatkan

ekonomi negara selain dapat mengembangkan potensi Johor sebagai pilihan untuk melancong. Antara tempat pelancongan yang menarik ialah *Legoland*, *Desaru Coast*, *Johor Premium Outlets*, Masjid Sultan Abu Bakar dan sebagainya. Terdapat 10 daerah yang berada di dalam jajahan kerajaan Johor iaitu Johor Bahru, Kluang, Mersing, Kota Tinggi, Kulai, Pontian, Batu Pahat, Muar dan juga Tangkak.

Negeri Johor berpotensi sebagai sebuah negeri pelancongan kerana mempunyai tempat-tempat yang menarik dan bersesuaian dengan semua kategori umur. Kedudukannya yang strategik menjadi antara faktor yang boleh digunakan dalam pembangunan pelancongan. Kedudukan Johor yang di kelilingi oleh Laut China Selatan dan Selat Melaka mampu menjadikannya sebagai produk ekopelancongan yang menjadi tarikan kehadiran pelancong. Namun, terdapat juga tempat-tempat menarik yang kurang popular yang perlu dipromosikan seperti kecantikan pulau-pulau yang berada di sekitar Mersing.

Mersing adalah sebuah daerah yang berada di negeri Johor yang mempunyai keluasan 2836.6 kilometer persegi dan merupakan daerah ketiga terbesar di dalam negeri Johor. Jumlah penduduk di Mersing ialah seramai 69,947 orang dan majoriti adalah daripada bangsa Melayu iaitu sebanyak 76%. Mersing dikatakan telah dibuka pada tahun 1892 oleh Dato Bentara Luar iaitu Mohd Salleh Bin Perang dan mendapat nama Mersing sempena nama seorang Sikh iaitu Amir Sikh ataupun Men Sigh. Beliau dikatakan melarikan diri ke Mersing dikatakan kerana membawa lari gundik Sultan Pahang.

Kedudukan Mersing yang berada di persisiran pantai menjadikannya berpotensi sebagai satu destinasi pelancongan yang sesuai. Antara tempat menarik yang berada di daerah ini adalah Pantai Air Papan, Penyabong, dan

Pasir Lanun. Mersing juga terkenal dengan kecantikan pulau-pulau yang boleh dilihat dari persisiran pantai. Sebagai contoh, pulau yang terkenal adalah Pulau Tinggi, Pulau Besar, Pulau Harimau, dan Pulau Rawa. Di sebalik keindahan pulau yang berada di Mersing, Jeti Mersing juga boleh membawa pelancong ke Pulau Tioman yang berada di Pahang. Selain itu, aktiviti *island hopping* yang dijalankan di kepulauan Mersing adalah antara tarikan yang terus mendapat perhatian dalam industri pelancongan negara.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Cresswell (2005:61), permasalahan kajian *atau research problem* adalah suatu isu atau kontroversi yang ingin dikaji. Permasalahan kajian mengetengahkan isu-isu yang berbangkit daripada sesuatu kajian. Antara isu yang dibangkitkan ialah kehadiran pelancong yang ramai pada musim cuti. Hal ini menimbulkan ketidaksekesaan masyarakat tempatan dengan banjir kereta yang berada di atas jalan raya sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas berlaku. Kesesakan ini dikatakan berlaku pada waktu pagi ketika pelancong ingin melakukan aktiviti percutian.

Meskipun lambakan pelancong telah memberi nafas baru terhadap ekonomi setempat, ia juga telah dilihat menjadi punca kepada pencemaran yang berlaku seperti pencemaran alam sekitar. Masalah sampah sarap bertaburan di jalan raya boleh dilihat dengan jelas apabila adanya kehadiran pelancong. Keadaan yang dilihat menjadi satu ancaman yang boleh merosakkan ekosistem setempat. Sampah sarap juga dapat dilihat di perairan laut dan persisiran pantai apabila aktiviti *island hopping* dijalankan untuk memenuhi permintaan pelancong. Pencemaran ini berlaku di atas faktor kurangnya kesedaran beberapa pihak dalam memastikan persekitaran kawasan aktiviti dijalankan tidak

tercemar. Malah, dapat diperhatikan juga keadaan udara yang tidak bersih kerana hasil daripada asap yang dikeluarkan oleh pelbagai jenis kenderaan. Ketidakpedulian sesetengah pelancong yang datang menyebabkan kebersihan persekitaran semakin terabai.

Aktiviti *island hopping* dilihat sebagai satu produk yang boleh dibangunkan selain dapat meningkatkan ekonomi masyarakat setempat. Kekurangan pelancong pada hari bekerja dilihat sebagai kurangnya promosi yang dilakukan. Masalah yang wujud ini telah mengganggu pertumbuhan ekonomi masyarakat setempat. Pihak yang bertanggungjawab mesti memberi penekanan dalam membantu pengusaha aktiviti *island hopping* untuk mendapatkan pelancong supaya dapat meningkatkan ekonomi.

Kemudahan atau infrastruktur yang terdapat di kawasan yang dikaji tidak bersifat mesra kepada pelancong. Masalah ini sering berlaku kepada pelancong terutamanya tempat meletakkan kenderaan. Tempat meletak kenderaan sangat jauh dan dilihat kurang selamat untuk digunakan. Kekurangan tempat letak kenderaan juga dilihat sebagai masalah yang besar kerana ia turut melibatkan masyarakat tempatan yang tidak mendapat keistimewaan sebagai penduduk tempatan.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian adalah satu pertanyaan yang memerlukan suatu jawapan yang sahih. Dalam kajian ini, pengkaji telah menimbulkan terdapat beberapa persoalan. Antaranya adalah :

- i) Apakah jenis aktiviti *Island Hopping* di kepulauan Mersing?

- ii) Apakah impak aktiviti *Island Hopping* terhadap pihak berkepentingan?
- iii) Apakah langkah pelestarian yang dilakukan oleh pihak berkepentingan?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN


Objektif kajian dilakukan untuk menentukan arah dan memberi fokus kepada tajuk yang dikaji selain membantu dalam pengumpulan data yang akan digunakan dalam sesuatu kajian. Antara objektif pengkaji dalam penyelidikan ini adalah:

- i) Mengenal pasti aktiviti *Island Hopping* di Kepulauan Mersing
- ii) Membincangkan impak aktiviti *Island Hopping* kepada pihak berkepentingan.
- iii) Mengenalpasti kaedah pelestarian yang dilakukan oleh pihak berkepentingan

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ialah sasaran kajian yang ingin dikaji yang terdiri daripada subjek, objek atau fenomena yang dikaji. Selain itu, skop kajian merupakan kawasan tumpuan yang menunjukkan kajian tentang kawasan yang dipilih. Dalam penyelidikan yang akan dilakukan, pengkaji akan menumpukan kepada aktiviti *Island Hopping* yang dilakukan di Kepulauan Mersing, Johor. Skop kajian ini dipilih kerana kerancakkan aktiviti pelancongan yang berlaku sehingga memberi kesan terhadap pembangunan pelancongan setempat. Kajian ini hanya dilakukan di persekitaran berlakunya aktiviti *Island Hopping* sahaja.

Dalam kajian yang akan dikaji, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam mendapatkan data dan maklumat. 10 responden akan ditemubual untuk mendapatkan data. Responden terdiri daripada masyarakat setempat, penggiat sektor pelancongan dan pihak yang berkaitan. Teori persepsi digunakan dalam mendapatkan data kerana pengkaji ingin mengetahui pandangan daripada pelbagai pihak. Persepsi yang diberikan akan menggambarkan secara menyeluruh tentang objektif kajian dan pengkaji dapat mengetahui pandangan masyarakat tentang impak kepada pihak berkepentingan.



Peta 1: Kepulauan Mersing, Johor.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini untuk memastikan bahwa memberi sumber maklumat yang sahih sebagai rujukan masa akan datang. Kajian ini juga dapat menerangkan kepentingan pihak yang bertanggungjawab untuk melakukan tugas dan memberi impak kepada aktiviti yang terdapat di kepulauan Mersing, Johor. Kajian ini juga memberi kepentingan tersendiri terhadap :

i) INDIVIDU

Kepentingan kajian terhadap individu adalah dapat mengetahui dan memahami kesan yang baik terhadap sektor pelancongan yang terdapat di Kepulauan Mersing. Terutamanya kepada peniaga-peniaga mikro yang dapat faedah daripada aktiviti yang dijalankan. Selain itu, kajian ini dapat memberi inspirasi kepada generasi baru untuk menceburi sektor pelancongan. Kajian ini juga membantu pengkaji untuk menambah ilmu dalam sektor pelancongan.

ii) MASYARAKAT

Masyarakat adalah individu yang melihat sendiri perubahan yang berlaku di kawasan mereka terutamanya masyarakat dalam skop kajian iaitu di Mersing, Johor. Melalui kajian ini, masyarakat dalam mengambil peluang dengan melibatkan diri dalam pembangunan pelancongan. Selain itu, masyarakat dapat membuka mata kerana kajian ini menumpukan kesan yang diperoleh hasil daripada aktiviti yang dijalankan.

iii) INSTITUSI

Kajian ini dapat membantu dan digunakan oleh institusi bagi memperkukuhkan lagi rujukan untuk kajian yang akan datang. Selain itu, institusi boleh mengenal pasti potensi kajian yang dilakukan untuk dikembangkan. Data yang diperoleh dalam

kajian ini juga membantu institusi untuk meningkatkan lagi mutu kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji seterusnya.

iv) **KERAJAAN**

Kajian ini memberi kesedaran kepada kerajaan dan pihak berkepentingan terhadap potensi aktiviti pelancongan yang dijalankan sebagai produk yang perlu dibangunkan dengan memberi banyak faedah kepada sektor ekonomi setempat. Selain itu, kajian ini juga dapat mengetahui masalah-masalah yang berlaku sepanjang aktiviti pelancongan ini berjalan supaya dapat diselesaikan oleh pihak kerajaan. Pihak kerajaan dan berkepentingan mestilah bergading bahu dalam membantu untuk pembangunan pelancongan.

1.7 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pada bab 1 ini membincangkan secara ringkas tentang pelancongan, latar belakang daerah mersing, masalah kajian yang ditimbulkan, objektif kajian, persoalan yang dikeluarkan, skop kajian dan kepentingan kajian kepada individu, masyarakat, institusi dan kerajaan.

Pelancongan merupakan penyumbang ekonomi utama di negara. Potensi keindahan alam semula jadi menjadi daya tarikan kepada pelancong untuk melancong di negara. Kepelbagaian tarikan pelancongan bukan dari ekosistem sahaja malah daripada acara yang dilakukan juga sebagai tarikan yang menjadikan industri pelancongan sebagai penyumbang ekonomi negara.

Potensi yang dilihat dalam meningkatkan ekonomi negara dalam sektor pelancongan perlu ditingkatkan agar dapat membantu masyarakat setempat. Masalah yang terdapat di kawasan yang menjadi tarikan pelancongan perlulah diselesaikan agar tidak mencacatkan pertumbuhan ekonomi negara. Perbanyakkan promosi dapat meningkatkan industri pelancongan yang menjadi penyumbang utama pendapatan negara. Aktiviti *Island Hopping* yang dijalankan adalah antara usaha yang boleh dilihat memberi kesegaran yang baru dalam ekopelancongan.

Oleh itu, jelas bahawa industri pelancongan perlu berkembang dengan baik sejajar dengan pembangunan yang dilakukan agar membantu dalam meningkat ekonomi negara. Tiga objektif yang digariskan dalam kajian ini telah menunjukkan arah kajian ini terhadap aktiviti pelancongan ini mampu memberi kesan yang baik atau tidak.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Menurut Fink (1998), sorotan kajian ialah kupasan secara terperinci untuk mengenali, menilai dan mentafsir hasil kajian penyelidikan lepas yang berkaitan. Bruce L. Berg (1998) pula menyatakan sorotan kajian adalah suatu penelitian yang menggambarkan kejelasan terhadap perkara yang berkaitan dengan permasalahan yang dikaji. Sorotan kajian adalah suatu proses pemahaman dan analisis tentang penulisan yang berkaitan dengan masalah yang timbul (Blanche & Durrheim, 1999). Blaxter, Hughes, dan Tight (2002) pula mendefinisikan sorotan kajian sebagai ringkasan dengan kupasan secara terperinci terhadap sesuatu bidang atau masalah.

Jelaslah bahawa sorotan kajian menjadi suatu kepentingan dalam menjadikan sesuatu kajian itu dapat dikaji dengan lebih mendalam. Penjelasan yang diberikan menunjukkan sorotan kajian sebagai proses penilaian, penelitian, dan pemahaman secara terperinci dalam kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan kajian yang akan dilakukan. Bab ini akan menunjukkan kajian lepas yang berkaitan tajuk kajian. Oleh itu, sorotan kajian berkaitan akan diteliti secara terperinci dalam melaksanakan penyelidikan.

2.1 DEFINISI PELANCONGAN

Pelancongan didefinisikan sebagai aktiviti yang bertujuan untuk berehat dan keluar dari zon yang selesa. Menurut Mason (2003), pelancongan merupakan kajian tentang tindak balas manusia bagi merasi persekitaran tempat

lain dan ekonomi seseorang serta jenis masyarakat. Oleh itu, pelancongan merupakan pergerakan ke satu tempat yang lain sekadar merehatkan mental dan fizikal.

Sektor pelancongan merupakan industri yang memainkan peranannya tersendiri dalam ekonomi sesebuah negara. Perkembangan positif dapat dilihat setiap tahun dalam peningkatan pelancong yang saban meningkat. Menurut Goeldner (2006), industri pelancongan merupakan penyumbang kepada ekonomi terbesar dunia yang disebabkan pertukaran wang asing. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mengangkat industry pelancongan sebagai antara sektor penting negara selepas gas dan petroleum, perkilangan dan automotif. Hal ini kerana pulangan daripada pembangunan pelancongan yang berlaku telah mencapai angka yang ditetapkan.

Terdapat juga menyatakan aktiviti pelancongan sebagai lambing kemewahan seseorang dengan keupayaannya dalam melakukan aktiviti pelancongan. Dalam kajian Rahman H (2013) segelintir masyarakat sahaja melakukan aktiviti pelancongan atas faktor kewangan dan mempunyai masa. Selain itu, potensi Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan dilihat baik kerana mempunyai pelbagai daya tarikan yang unik. Pelancongan membawa istilah yang mempunyai sifat yang luas dan subjektif kerana mempunyai definisi yang banyak. Ketidakselarasan dalam mengenal pasti dan perbezaan dalam mendefinisikan pelancongan telah menjelaskan bahawa terdapat sekurang-kurangnya 550 definisi pelancongan yang berlainan (Crompton, 1987).

Menurut Krippendorf (1972-1987), industri pelancongan adalah sebuah bentuk perniagaan yang menyediakan barang dan pelbagai perkhidmatan yang mematuhi keperluan pelancongan itu sendiri. Perkhidmatan yang ditawarkan

dapat membantu pelancong dalam memenuhi keperluan serta menjalin hubungan dengan para pelancong. Menurut Hunziker mendefinisikan pelancongan sebagai satu fenomena yang mempunyai hubungan dengan perjalanan seseorang yang tidak kekal dan tidak terlibat dengan aktiviti atau kegiatan yang produktif

Oleh itu, sektor pelancongan mengalami pembangunan yang baik sejajar dengan peredaran masa yang berlaku dengan peningkatan pelancong yang datang dari luar negara mahupun dalam negara. Kepelbagaian langkah dalam mengembangkan sektor pelancongan perlu dilakukan agar dapat menarik minat lebih ramai pelancong asing untuk melancong ke negara ini.

2.3 TIPOLOGI PELANCONGAN

Menurut Lea (1998), terdapat dua asas bagaimana tipologi pelancongan dibahagikan. Klasifikasi interaktif adalah asas pertama yang bersifat berdasarkan pelbagai jenis dan tempat pelancongan. Kedua adalah kognitif normal yang berasaskan niat sebenar seseorang untuk melancong. Cohen (1972) pula menjelaskan pelancong dibahagi kepada tiga kumpulan iaitu pelancong biasa, pencarian, dan bersemenda. Pelancongan biasa adalah bergantung kepada perancangan perjalanan yang dirancang dan tidak terhad. Pelancong pencarian pula membawa maksud perancangan yang tersendiri dan mula untuk mengenal budaya tempat yang dituju serta mencari tempat yang lebih selesa. Manakala pelancong bersemenda ialah pelancong yang menjauhkan diri dari institusi pelancongan secara terus dan sudah membiasakan diri dengan budaya persekitaran.

Smith (1989:2) menjelaskan bahawa terdapat sembilan kategori pelancongan yang melibatkan tahap penglibatan di destinasi pelancongan.

Kategori-kategori tersebut ialah:

- i) berjelajah – penglibatan pelancong dengan penduduk setempat
- ii) elit – pelancongan individu ke tempat yang istimewa
- iii) bersendirian – pelancong yang menjauhkan diri dengan orang lain
- iv) berkelainan – mempunyai sebab tertentu dan berlainan dari melancong sahaja
- v) berkumpulan – pelancongan untuk mendapat khidmat tempatan dengan kumpulan berskala kecil
- vi) pengkhususan – pakej perjalanan yang terhad
- vii) berombongan – pelancongan yang mempunyai banyak perkhidmatan yang disediakan

United Nations World Tourism Organization (UNWTO) menyatakan bahawa terdapat 16 tipologi pelancongan iaitu pelancongan agro, eko, budaya, etnik, keagamaan, acara, kapal persiaran, kesihatan, taman tema, arkeologi, angkasa, sukan dan rekreasi, hiburan, pendidikan, melancong sambil bekerja, dan membeli belah. Ekopelancongan ialah pelancongan yang melibatkan alam semula jadi sebagai suatu tarikan seperti Taman Negara Jerantut, Gunung Kinabalu, dan melancong ke kawasan pulau.

2.4 EKOPELANCONGAN

Ekopelancongan didefinisikan sebagai pelancongan ke tempat-tempat semula jadi untuk mengekalkan persekitaran kawasan dan kesejahteraan

masyarakat tempatan (The Internationalm Ecotourism Society, 2000). Menurut Godelner, et.al, (2000), ekopelancongan merupakan perjalanan yang bertujuan untuk menwujudkan pemahaman dalam budaya dan prasejarah dalam persekitaran yang ada. Hal ini untuk menekankan penjagaan alam sekitar dan mampu meningkatkan ekonomi masyarakat dan negara. Honey (2008) mengemukakan lapan prinsip dalam ekopelancongan iaitu:

- i) melibatkan perjalanan ke destinasi yang berunsurkan semula jadi,
- ii) mengurangkan impak dari pembangunan yang berlaku,
- iii) membina kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar,
- iv) memberi manfaat dalam bentuk kewangan bagi pemuliharaan,
- v) menyediakan faedah kewangan dan memperkasakan komuniti setempat,
- vi) menghormati budaya tempatan,
- vii) menyokong hak asasi manusia dan pergerakan demokratik.

Menurut Kementerian Pelancongan Malaysia, ekopelancongan disifatkan sebagai perjalanan atau lawatan yang memberi tanggungjawab kepada pelancong untuk menjaga alam sekitar selain menikmati suasana persekitarannya. Ekopelancongan juga mengalakkan lagi penjagaan alam sekitar yang boleh membawa kesan yang baik kepada ekonomi masyarakat tempatan. Menurut Kunjuran dan Che Aziz (2019), penglibatan pelancong dalam ekopelancongan lebih kepada bersifat pendidikan dan kesedaran dalam pemuliharaan alam sekitar.

Dalam kajian Chistopher Perumal, Zaini Sakawi, dan Siti Khatijah Zamhari (2016) menyatakan bahawa ekopelancongan menjadi faktor dalam

menyumbang ekonomi pembangunan pelancongan negara. Kajian mereka tertumpu pada impak ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di Malaysia dan telah menunjukkan kesan dari sudut positif dan negatif. Keindahan yang ada pada ekosistem telah menawarkan lokasi yang sesuai dalam membentuk satu kawasan ekopelancongan.

Kajian yang bertajuk *Pertumbuhan dan Pelestarian Industri Ekopelancongan di Kepulauan Sekitar Sabah* oleh Lee Kuok Tiung dan Siti Suriani Othman (2010) menyatakan bahawa ekopelancongan telah membuka peluang pekerjaan yang baru untuk meningkatkan sumber pendapatan penduduk tempatan. Kajian ini memfokuskan kepada analisis kedatangan pelancongan asing ke Pulau Sipadan yang telah membawa kepada perkara yang positif.

Zanish Man dan Yeoh En Ne (2018) telah mengkaji tentang aktiviti ekopelancongan di Tasik Chini, Pahang. Dalam kajian mereka telah menyebut tentang penglibatan orang Asli Jakun dalam pembangunan ekopelancongan di kawasan berkenaan. Aktiviti yang terdapat di Tasik Chini seperti *jungle trekking* telah menarik pelancong untuk merasai pengalaman ekopelancongan. Kemusnahan hutan yang disebabkan pembalakan telah mengganggu ekosistem Tasik Chini dalam pembangunan pelancongan.

Menurut Norliyana Adnan dan Mohd Parid Mamat (2018), dalam kajian yang bertajuk *Impak dan Persepsi Ekopelancongan Terhadap Komuniti Setempat di Lumut, Perak* telah menunjukkan kepentingan dalam menjaga alam sekitar. Hasil kajian yang dilakukan menunjukkan kepentingan persekitaran ekopelancongan sebagai pembangunan tempatan mampu menyumbang kepada kemahiran perniagaan kepada komuniti tempatan.

Dalam penulisan *Eco-Tour* (2010) telah menyatakan konsep ekopelancongan sebagai keupayaan alam semula jadi sebagai sumber daya tarikan utama dalam industri pelancongan. Dalam kajian Montaguti dan Mingotto (2015), aktiviti ekopelancongan seharusnya memberi faedah kepada pemuliharaan melalui peningkatan pengurusan kawasan semula jadi yang dikunjungi oleh pelancong. Kesedaran dalam pemuliharaan alam sekitar dalam kalangan masyarakat adalah penting untuk diberikan penjagaan yang baik supaya dapat terus membangun.

2.5 PEMBANGUNAN PELANCONGAN

Dalam beberapa dekad ini, sektor pelancongan merupakan sebuah industri yang berkembang dan banyak membantu dalam meningkatkan ekonomi negara. Industri pelancongan mampu menjana ratusan industri baru yang saling berkait antara satu sama lain. Pembangunan pelancongan yang dilihat dalam negara menunjukkan kepentingan industri ini dalam meningkatkan ekonomi negara. Menurut Butler (1980) menyatakan pembangunan pelancongan merupakan suatu proses evolusi. Pembangunan pelancongan menjadi agen pembangunan ekonomi terhadap negara Dunia Ketiga (Brownrigg dan Greig, 1976; Peters 1969; Mathieson dan Wall, 1991).

Menurut Frederick (1993), pembangunan rangkaian seperti perkhidmatan resort-hotel, jalan raya, jalan kereta api, dan lapangan terbang telah membantu dalam menjana ekonomi di sesuatu kawasan. Pembinaan prasarana, pemuliharaan semula bangunan bersejarah dan kewujudan pelbagai jenis perkhidmatan yang ditawarkan telah memberi manfaat dalam pembangunan pelancongan. Pembangunan yang dilaksanakan perlulah dipantau untuk

memastikan matlamat dan objektif ekopelancongan dapat memulihara alam semula jadi.

Dalam penulisan Johan Afendi Ibrahim dan Mohamad Zaki Ahmad (2012) yang bertajuk Perancangan dan Pembangunan Pelancongan telah menyatakan dasar dan strategi yang baik perlu dilakukan untuk mengalakkan lagi pembangunan pelancongan. Dalam melakukan pembangunan pelancongan, komuniti adalah elemen terpenting (Nur Atiqah Kamarus Zaman, Habibah Ahmad, Nur Amirah Kamarus Zaman, Er Ah Choy, Hamzah Jusoh, Zaini Sakawi, dan Amriah Buang, 2014).

Dalam penulisan Place-Making menerusi Agenda Pembangunan Pelancongan (2017) telah menyatakan persaingan yang kompetitif telah merencanakan pembangunan pelancongan yang mampu menarik pelancong asing. Ekopelancongan dijadikan sebagai alat untuk mencapai pembangunan yang mampan serta meningkatkan kualiti alam sekitar (Norazmilah Aakub, 2006)

Pembangunan pelancongan dilihat dapat membawa kepada kesejahteraan kepada sesuatu kawasan. Hal ini disebabkan para pelancong akan memberi manfaat kepada industri yang berkaitan dengan sektor pelancongan secara langsung atau tidak langsung. Perkhidmatan yang dilakukan oleh masyarakat setempat yang berkaitan dengan sektor pelancongan telah mewujudkan perubahan struktur industri di kawasan tersebut.

Dalam penulisan Kiki Rizki Makiya, , Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Amriah Buang, Noralyanie Nor Azazi1, Sri Winarni, Samsir, dan En Ah Choy (2014) telah menyatakan bahawa pelancongan hospitaliti adalah salah satu

kompanan yang penting dalam sektor dan perkhidmatan. Menurut Suhaya Samad, Md Shaffin, dan Norlida Hanim (2017) menyatakan dalam penulisan mereka terhadap kajian yang dilakukan di Langkawi menunjukkan pembangunan yang dilakukan dengan pesat telah memberi impak. Dalam pembangunan pelancongan pula, ia menjadi faktor setelah pengisytiharan bebas cukai bagi meningkatkan sektor pelancongan.

2.6 PELANCONGAN PULAU/ ISLAND TOURISM

Menurut Macleod (2006), definisi pulau berdasar kepada beberapa faktor termasuk mempunyai skala kecil, terasing, ekonomi yang lemah, perbezaan dari segi politik, cuaca, geografi, kepelbagaian dan persekitaran. Akibat daripada berjauhan dengan masyarakat luar dan mempunyai populasi yang agak kecil, mereka mempunyai masalah dari segi carta organisasi. Masalah yang sering berlaku terhadap struktur yang berada di kepulauan disebabkan oleh lokasinya yang di kelilingi oleh laut dan penduduk yang sedikit.

Menurut Baum (1995), pelancongan pulau bukanlah suatu fenomena yang baru untuk dipersoalkan. Ia merupakan suatu kebaikan yang mula ditunjukkan apabila pulau-pulau ini berperanan dalam pembangunan sosioekonomi dan gejala sosial. Kepentingan pelancongan dalam faktor ekonomi lebih tertumpu kepada destinasi pulau berbanding destinasi di tanah besar. Hal ini kerana ia selalu membawa kepada faktor yang lebih besar dan penting dalam ekonomi pulau itu sendiri. Kesan industri pelancongan lebih kuat di destinasi pulau yang tidak mempunyai kapasiti yang besar.

Pelancongan lebih luas terhadap impak yang diterima oleh masyarakat yang berada di pulau yang kecil daripada kawasan peranginan yang berada di

tanah besar mempunyai kemudahan yang jauh lebih baik. Komunikasi bersama pelancong lebih kerap berbanding dengan masyarakat setempat telah memberi kesan yang tidak baik terhadap sosial, budaya dan alam sekitar dengan adanya kedatangan pelancong.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Norlida Hanim Mohd Salleh, Tamat Sarmidi, Redzuan Othman, Abdul Hamid Jaafar & Raudha Md. Ramli (2011) telah menyatakan kepuasan dan reaksi pelancong terhadap pelancongan pulau di Pulau Kapas. Dalam penulisan mereka, kepuasan pelancong harus ditingkatkan dalam memberi perkhidmatan yang diberi. Menurut Jabil Mapjabil (2010) dalam penulisannya menyatakan aktiviti selam skuba adalah antara faktor yang menyebabkan pelancongan pulau semakin meningkat. Keindahan yang terdapat pada dasar laut telah menjadi tarikan utama kepada pelancong.

2.8 PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM KONTEKS PELANCONGAN

Menurut R. Edward Freeman (1984) dalam buku yang diterbitkan bertajuk *Stakeholder Approach* menjelaskan bahawa istilah pihak berkepentingan adalah elemen yang diambil kira dalam strategi perniagaan. Kejayaan dalam sesuatu bidang bukan sahaja dipengaruhi oleh penggiat bidang itu sendiri malah dibantu oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Oleh itu, peranan pihak berkepentingan dalam memastikan sesuatu bidang itu adalah sangat kuat sehingga memberi impak yang besar. Dalam industri pelancongan, pihak berkepentingan memainkan peranan yang penting untuk memastikan perkhidmatan yang disediakan membantu dalam perkembangan ekonomi negara.

Kajian yang dibuat oleh Ahmad Nazrin, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Moh Yusof Hussain, dan Muhammad Fuad Abdul Karim (2012) yang bertajuk Peranan Pihak Berkepentingan Terhadap Pembentukan Destinasi Mesra Pelancong dengan menyatakan bahawa peranan pihak berkepentingan banyak membantu dalam sektor pelancongan. Selain itu, mereka juga berpendapat bahawa pihak berkepentingan sama ada kerajaan mahupun swasta mempunyai peranan yang tersendiri dalam membantu perkembangan sektor pelancongan. Pembentukan dasar yang dibuat oleh kerajaan adalah peranan oleh kerajaan berbanding peranan swasta dalam penyediaan ruang, aktiviti dan produk.

Contributions of Tourism Micro and Small Entrepreneurs to Local Community Livelihood yang merupakan kajian yang dibuat oleh Mohamad Safee Sapari, Ahmad Shuib, Sridar Ramachandran dan Puvaneswaran Kunasekaran (2019) membincangkan tentang kesan perusahaan mikro pelancongan di Kepulauan Mersing kepada masyarakat dan ekonomi. Selain itu, artikel ini juga membincangkan tentang perubahan yang berlaku dengan kedatangan pelancong yang ramai telah memberi kesan yang positif dalam pembangunan pelancongan di Mersing. Rancangan yang rapi perlu dilakukan untuk mengimbangi kesan ekonomi supaya seiring dengan pembangunan pelancongan yang dilakukan oleh pihak kerajaan.

Nurain Sahazali dan Er Ah Choy (2013), dalam penulisan mereka telah menyentuh berkaitan usaha pihak berkepentingan dalam memajukan ekopelancongan Taman Paya Bakau, Manjung. Mereka juga menyentuh tentang kurangnya perhatian dari penduduk setempat untuk menjaga kawasan tersebut. Dalam penulisan yang sama juga banyak menyatakan usaha pihak kepentingan

dalam menaikkan tempat tersebut dengan menyatakan beberapa usaha kepada kerajaan untuk menyelesaikan beberapa masalah. Usaha yang diutarakan adalah hasil daripada perbincangan bersama untuk menjaga keselamatan pelancong yang hadir dan juga melibatkan persekitaran alam sekitar.

Basri Rashid (2013), dalam penulisannya menyatakan kesan dan pengalaman seseorang setelah bercuti. Pengkaji juga percaya pengalaman pelancong dipercayai berkait dengan hasil interaksi mereka dengan prasarana di destinasi yang kemudiannya boleh memberi kesan kepada emosi dan seterusnya mempengaruhi kepuasan lawatan. Melalui kajian yang dibuat oleh pengkaji mendapati bahawa ia bermanfaat kepada banyak pihak berkepentingan terutamanya organisasi perniagaan yang berkaitan dengan pelancongan dan hospitaliti dan juga kepada masyarakat serta pertubuhan setempat bagi mempertingkatkan prestasi elemen-elemen di destinasi berkenaan dan mengayakan pengalaman percutian pelancong. Kemudahan yang disediakan oleh pihak berkepentingan yang terbaik memberi kesan untuk peningkatan ekonomi.

Rosazman Hussin dan Velan Kunjuraman (2014), dalam penulisan ada mereka menyebut tentang potensi untuk mengembangkan industri *homestay* di Sabah. Dalam artikel ini menyatakan pihak kepentingan adalah sebagai orang yang penting untuk mengembangkan industri *homestay* ini. Kajian yang dilakukan juga adalah penting bagi pihak berkepentingan untuk membantu meningkatkan kualiti dalam perkhidmatan yang disediakan. Kesan baik yang diterima oleh pihak berkepentingan adalah kerana industri pelancongan di Sabah telah berkembang dengan pesat.

Siti Kasmera Ariffin, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mohd Ekhwan Toriman, Sri Winarni Samsir, Mushrifah Idris (2016), dalam penulisannya menitikberatkan penglibatan pihak berkepentingan dalam usaha membangun sektor pelancongan di destinasi ekopelancongan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Pengkaji merujuk kepada kajian yang dilakukan oleh Ritchie dan Crouch (2003) yang menyatakan pihak-pihak berkepentingan dalam destinasi pelancongan dikelaskan sebagai pembekal dan industri sokongan, pengantar pemasaran dengan fasilitator, orang awam dan tempatan dan juga pelancong asing. Kajian ini juga menyentuh mengenai peranan yang dimainkan oleh badan kerajaan dan bukan kerajaan dalam pembangunan dan pendidikan pelancongan untuk bekerja sebagai sebuah pasukan dan setiap yang lain agar hasil pelaksanaan dasar adalah hasil yang dilakukan secara bersama.

Merujuk kepada kajian yang dibuat oleh Norlida Hanim Mohd Salleh, Redzuan Othman dan Abdul Hamid Jaffar (2011) menyatakan peningkatan perbelanjaan dalam sektor pelancongan telah memberi kesan positif kepada industri pelancongan. Kajian dilakukan menunjukkan usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan dibantu oleh pihak berkepentingan telah membantu dalam pembangunan pelancongan dengan pesat. Pengkaji juga menyatakan tentang impak positif kepada pihak kepentingan terutamanya pengusaha pengusaha perhotelan dengan mendapat dana untuk menguruskan perniagaan mereka.

2.8 KERANGKA TEORI

Kerangka membawa maksud reka bentuk kajian iaitu struktur keseluruhan sesebuah kajian ilmiah. Menurut Garrison (2000) menyatakan

bahawa teori merupakan satu konsep dan asas yang tersusun bagi tujuan membangun sesuatu maksud untuk menjelaskan, mencorakkan dan mentafsirkan. Teori akan memberi pendapat atau pandangan yang dapat mengurangkan kesusahan dalam memberi penjelasan terhadap sesuatu perkara yang kompleks. Menurut Nawawi (2001), kerangka teori merupakan landasan penggunaan teori atau dasar pemikiran secara ilmiah dalam meneliti sesuatu yang dilakukan.

Teori persepsi adalah teori yang digunakan untuk mengkaji impak aktiviti *Island Hopping* di Mersing, Johor terhadap pihak berkepentingan. Menurut Philip Kolter (2007), persepsi merupakan satu kaedah bagaimana seseorang memilih dan menafsirkan maklumat yang diperolehi untuk memberi gambaran secara jelas. Oleh itu, persepsi adalah proses pemilihan dan tafsiran yang dipilih.

Persepsi adalah peneltian terhadap sesuatu perkara, objek atau hubungan yang boleh memberi kesimpulan terhadap sesuatu perkara (Jalaludin Rahmat, 2007). Menurut Suhaman (2005) pula menyatakan persepsi adalah satu kaedah menginterperasikan atau menafsir maklumat yang diterima melalui anggota badan manusia. Oleh itu, berdasarkan pendapat tersebut dapat disimpulkan bahawa persepsi merupakan suatu kaedah yang bermula daripada penglihatan sehingga menjadi satu pandangan dari seseorang.

Menurut Walgito (2004), persepsi merupakan proses untuk mentafsir . maklumat daripada tindak balas pancaindera agar pandangan yang dibuat asli. Pancaindera yang akan bertindak untuk mendapatkan respon adalah bergantung kepada pemerhatian individu berkenaan. Hal ini demikian disebabkan oleh perasaan, keupayaan untuk berfikir dan pengalaman yang diperolehi seseorang

adalah berlainan sehingga setiap pandangan seseorang berlainan dengan orang lain.

Di samping itu, menurut Rhenald Kasali (2006) menyatakan bahawa faktor yang tertentu mempengaruhi seseorang dalam melakukan sesuatu tindak balas atau pandangan. Aspek-aspek yang mempengaruhi menurut Rhenald Kasali (2006) adalah seperti berikut:

i) Latar Belakang Budaya

Budaya dianggap sebagai corak utama dalam tindak balas yang diterima oleh sekumupulan masyarakat. Latar belakang budaya telah membawa kepada pentafsiran sesuatu mesej yang diterima, objek yang dilihat dan persekitaran seseorang. Aspek yang dimaksudkan dalam menentukan pandangan seseorang dari segi sosioekonomi, kepercayaan, adat, sifat dan sebagainya.

ii) Pengalaman

Peristiwa yang diperolehi pada masa lalu menjadi aspek yang diambil kira dalam menentukan seseorang pandangan.

Aspek ini dapat mempengaruhi pandangan seseorang kerana pengalaman yang diterima adalah berlainan dengan orang lain.

Pengalaman yang banyak mempunyai persepsi yang lebih banyak dengan cenderung memberi pandangan yang adil iaitu persepsi positif dan negatif.

iii) Nilai

Penilaian adalah melalui kebaikan, estetika, dan kepuasan dari sudut kepercayaan seseorang. Nilai bersifat subjektif untuk dinilai untuk menafsir perkara yang baik ataupun buruk. Nilai dibentuk supaya memberi persepsi yang sewajarnya.

iv) **Berita**

Berita yang diterima oleh seseorang melalui persekitaran selalu menjadi sebutan daripada seseorang untuk membuat sesuatu persepsi. Berita yang berkembang selalunya diterima dari media massa atau maklumat dari orang yang menerima sesuatu maklumat. Hal ini dapat membantu seseorang dalam membuat persepsi. Jika berita yang diterima adalah positif maka persepsi seseorang akan menjadi positif. Tetapi jika berita yang diterima adalah mengenai perkara negatif, maka persepsi seseorang boleh menjadi negatif.

Oleh itu, kajian ini meneliti tentang persepsi pihak berkepentingan mahupun masyarakat terhadap aktiviti *Island Hopping* di Kepulauan Mersing, Johor menerusi aspek mempengaruhi persepsi responden seperti yang dinyatakan oleh Rhenald Kasali (2006). Empat aspek yang mempengaruhi persepsi menurut Rhenald Kasali ialah latar belakang budaya, pengalaman masa lalu, nilai, dan berita. Aspek ini dapat membantu pengkaji dalam melakukan kajian untuk menyelesaikan objektif yang kedua dan ketiga dengan melakukan kaedah temu bual. Kaedah ini dilakukan untuk mengetahui persepsi pihak

berkepentingan terhadap impak yang diterimanya melalui aktiviti *Island Hopping* yang dijalankan di Kepulauan Mersing, Johor.

2.10 KESIMPULAN

Sorotan kajian telah membantu dalam meningkatkan kualiti sesuatu kajian kerana penelitian secara terperinci dilakukan. Kajian lepas juga membantu dalam memberi maklumat yang meluas dan sebagai rujukan yang berkualiti dalam menghasilkan sesuatu kajian. Pelbagai maklumat yang telah diperolehi seperti definisi pelancongan, pembangunan pelancongan, pelancongan pulau dan sebagainya. Maklumat yang diperolehi dapat meluaskan lagi tajuk kajian yang dikaji.

Sorotan kajian juga memberi maklumat secara meluas dalam mendapatkan data secara terperinci. Semakin banyak pengkaji meneliti kajian lepas, semakin banyak yang diperolehi. Kekuatan sorotan telah memberi kesan yang mendalam dalam pembentukan maklumat secara formal. Pengkaji juga dapat merasakan pengalaman pengkaji lepas dalam penulisan pengkaji.

Malah, dalam bab ini juga memberi pengkaji dalam penggunaan teori yang betul dalam penyelidikan. Kerangka teori adalah penting dalam sesuatu penyelidikan untuk mencapai objektif yang betul. Teori persepsi digunakan dalam kajian yang akan dilakukan sejajar dengan objektif kajian.

Idea dalam melakukan kajian ini disebabkan kurangnya kajian yang berkaitan dengan kepulauan Mersing. Kepulauan Mersing perlu dibangunkan sebagai produk pelancongan kerana keindahan semula jadi yang terdapat di situ. Keindahan yang sedia ada mampu menarik minat pelancongan dalam negara mahupun luar negara untuk mearsai pengalaman yang tersendiri. Kajian ini juga

dapat memberi pendedahan tentang keunikan dan keindahan yang ada di sekitar kepulauan Mersing, Johor.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Menurut Cohen dan Manion (1996), metodologi ialah satu pendekatan yang akan digunakan ketika menjalankan sesuatu penyelidikan pendidikan yang bertujuan untuk mengumpul data. Penyelidikan ialah satu pengkajian yang dijalankan untuk memperoleh jawapan secara sistematik. Metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik, mengumpul dan menganalisis data agar dapat menunjukkan bukti bagi menyokong sesuatu kajian, Noorzan Mohd Noor. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan faktor sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan. Tujuan metodologi dilakukan adalah untuk membantu memahami dengan lebih tepat dan terperinci tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian terhadap proses kajian. Metodologi merangkumi reka bentuk, kaedah kajian, persampelan, analisis data dan alat bantu kajian. Dalam bab ini, pengkaji akan menunjukkan kaedah yang akan digunakan dalam pengumpulan dan menganalisis data yang diperoleh.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Menurut Bryman (2008), reka bentuk kajian adalah kerangka yang diguna oleh sesebuah kajian bagi mengutip dan menganalisis data. Bagi Robson (2011) pula, reka bentuk kajian berfungsi untuk menukar persoalan kajian kepada projek yang melibatkan komponen tujuan, teori, persoalan kajian, metod dan strategi persampelan. Berbeza pula dengan Creswell (2009) yang berpandangan, reka bentuk kajian adalah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara

falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metode kajian. Reka bentuk kualitatif adalah bersesuaian bagi kajian penerokaan (Crawford & Irving 2009). Reka bentuk kuantitatif pula sesuai bagi kajian deskriptif manakala kajian yang bertujuan membuat penjelasan, reka bentuk eksperimen adalah sesuai digunakan (Robson, 2011).

Dalam kajian yang dilakukan, pengkaji akan menggunakan reka bentuk kualitatif bagi mengumpul dan memperoleh maklumat yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Kaedah kualitatif yang digunakan adalah temu bual dan pemerhatian. Menurut Mohd Kamal Dasuki (1996), kajian kes mampu memberi gambaran secara realiti selain dapat memudahkan pertalian dengan kegiatan yang dilakukan. Kegiatan yang dinyatakan ialah untuk mempermudah pengesanan bahagian-bahagian yang hendak dikaji.

Menurut Schostak, John F. (2002), kualitatif merupakan satu kajian penyelidikan yang mana pengkaji bergantung kepada persepsi seseorang dengan menanyakan soalan yang luas dan umum, mengumpul data dalam bentuk perkataan atau teks daripada peserta, menjelaskan dan menganalisa perkataan-perkataan tersebut dalam bentuk tema-tema. Kajian kualitatif merupakan kajian semulajadi yang tidak mematuhi spesifikasi statistik, seterusnya dapatan kajian yang diperoleh adalah tidak boleh digeneralisasikan. Walaubagaimanapun kajian kualitatif ini menyumbang sesuatu kepada kajian yang bersifat statistik. Sesuatu di sini bermaksud yang bermakna dan tidak boleh diukur.

Reka bentuk kajian yang dilakukan oleh pengkaji juga adalah lebih menjurus kepada mendapatkan jawapan bagi persoalan kajian yang telah dinyatakan. Hal ini membolehkan objektif kajian dapat dicapai oleh pengkaji dalam kajian ini.

3.2.1 PENDEKATAN KAJIAN

Etnografi merupakan sejenis bentuk kajian lapangan yang melibatkan satu metod penelitian kualitatif. Etnografi juga dirujuk kepada satu penyelidikan saintifik yang bersifat semulajadi (*field research*). Menurut Creswell (2005), etnografi merupakan satu bentuk kajian yang praktikal untuk mengkaji suatu kelompok atau kumpulan tertentu. Melalui kajian berbentuk etnografi, bentuk-bentuk maklumat kualitatif dapat digunakan untuk menerangkan dan menginterpretasi sesuatu bentuk budaya yang dikongsi bersama di dalam sebuah kumpulan. Kajian etnografi juga turut digunakan dalam memahami dan menjelaskan budaya dan cara hidup sesuatu komuniti.

Dalam kajian dilakukan, pengkaji menggunakan pendekatan etnografi untuk menyatakan persepsi pihak berkepentingan terhadap objektif yang dinyatakan. Dengan pendekatan ini, pengkaji dapat gambaran secara jelas bagi menganalisis data yang terkumpul. Hal ini mampu memberi peluang kepada pengkaji untuk lebih memahami tentang tajuk kajian yang dilakukan.

3.3 KAEDAH KAJIAN

Dalam melakukan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif dan pendekatan yang digunakan adalah etnografi. Menurut Strauss and Corbin (1990) menyatakan kaedah kualitatif ialah penyelidikan yang menghasilkan dapatan yang bukan melalui prosedur statistik atau lain-lain bentuk pengiraan. Kaedah kualitatif diambil daripada perkataan kualiti yang membawa maksud kepada kualiti dalam kajian kerana data yang diperolehi adalah asli.

Dalam penulisan, tiga kaedah akan digunakan untuk mendapatkan maklumat iaitu pengumpulan data, penganalisan data dan rumusan. Untuk mendapatkan data

tersebut, pengkaji akan menggunakan beberapa kaedah yang melibatkan pengkaji berada di tempat kajian dilakukan.

3.3.1 DATA PRIMER

Menurut Yusof (2003), data primer adalah data yang berasal dari sumber asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Data-data ini dikumpul oleh penyelidik melalui proses kajian lapangan seperti soal selidik, pemerhatian, temu bual dan sebagainya. Data primer ini akan dikumpulkan sendiri oleh pengkaji untuk membuat hipotesis dalam kajian yang akan dilakukan. Melalui kaedah kualitatif, pengkaji akan memilih beberapa cara dalam mendapatkan data atau maklumat. Antaranya adalah:

i) **Kajian Lapangan**

Kajian lapangan menurut Asmah Hj Omar (2002:1-2), kajian lapangan merujuk kepada tempat sesuatu fenomena yang hendak dikaji yang menyediakan maklumat kajian untuk ditafsir berpandukan objektif kajian. Kajian lapangan biasanya dilakukan di kawasan yang telah dipilih. Pemilihan kawasan kajian ini sangat penting agar maklumat diperoleh bersesuaian dengan objektif yang dinyatakan. Kajian ini tertumpu di kawasan berlakunya aktiviti *island hopping* iaitu di Jeti Mersing, Johor.

ii) **Kaedah Temu bual**

Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mengumpul data secara bersemuka (face-to-face) dengan responden yang dipilih. Pengkaji juga akan menggunakan kaedah ini secara berstruktur dan tidak berstruktur iaitu tidak menggunakan soalan yang dibuat malah bertanya secara

spontan agar responden tidak berasa malu. Dalam melakukan kaedah ini, pengkaji akan bertanya secara berhati-hati dengan tidak bertanya soalan yang sensitif. Temu bual juga akan dirakam untuk memudahkan pengkaji mengimbas kembali maklumat yang disampaikan. Dalam kaedah ini, pengkaji akan memilih 10 orang responden untuk ditemubual untuk ketiga-tiga objektif kajian. Responden yang ditemubual tidak terdiri daripada pihak berkepentingan sahaja malah mengambil pandangan dari masyarakat.

iii) **Kaedah Pemerhatian**

Menerusi kaedah ini, pengkaji akan ke tempat berlakunya aktiviti *Island Hopping* iaitu di jeti Mersing. Hal ini dilakukan bagi membolehkan pengkaji untuk memerhati bagaimana aktiviti ini dilakukan. Pemerhatian merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul data dan temu bual. Pengkaji juga menyediakan nota lapangan terhadap pemerhatian dijalankan untuk mencapai objektif. Pengkaji mahu memerhati, mendengar dan merakam setiap maklumat yang diperolehi untuk memenuhi aspek yang diperhatikan.

3.3.2 DATA SEKUNDER

Menurut Marican (2005), data sekunder dirujuk sebagai data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain. Data-data tersebut masih lagi sesuai dan relevan untuk digunakan bagi menjawab persoalan kajian atau mengembangkan lagi maklumat yang baru diperolehi untuk kajian yang dilakukan. Menerusi data sekunder yang diperolehi, pengkaji dapat mengumpul maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antara sumber untuk mendapatkan data sekunder ialah:

i) Kajian Kepustakaan

Kaedah dilakukan dengan mendapatkan maklumat daripada buku-buku, jurnal, majalah dan pelbagai lagi bagi membantu melakukan sesuatu kajian. Rujukan juga akan dilakukan terhadap kajian-kajian lepas agar dapat memperoleh maklumat tambahan. Kaedah kepustakaan ini juga membantu dalam memperoleh deskripsi awal berkaitan dengan tajuk kajian.

ii) Sumber Internet.

Internet muncul sekitar tahun 1966 oleh ARPA (*Advanced Research Project Agency*). Internet merupakan satu jaringan komputer yang berhubung antara satu sama lain. Di internet, pelbagai sumber boleh diperolehi bagi memudahkan pengkaji untuk mencari maklumat. Hal ini boleh membantu pengkaji dalam menyiapkan kajian ini dengan memperoleh maklumat tambahan. Maklumat yang diperolehi dari sumber internet tidak terbatas kerana maklumat diterima dari pelbagai sumber.


3.4 ANALISIS DATA

Menurut Meriam dan Tisdell (2016), kaedah menganalisis maklumat merupakan suatu proses yang dipakai yang bertujuan untuk memperoleh data dan maklumat yang bermanfaat dalam kajian. Selain itu, ia juga berperanan sebagai suatu proses dalam memberi pemahaman maklumat yang didapati berdasarkan kepada objektif kajian. Daripada maklumat yang diperolehi melalui beberapa proses, analisis data atau maklumat mesti dilakukan untuk menunjukkan gambaran secara jelas tentang persoalan

kajian. Dalam kajian dilakukan, pengkaji menggunakan kaedah analisis tematik untuk menganalisis data yang diperolehi.

3.4.1 ANALISIS TEMATIK

Analisis tematik dilihat sebagai suatu proses untuk mengenal pasti isu dalam data dan hubung kait yang terhasil daripada ulasan berkaitan dengan persoalan kajian (Willig,2015,147). Braun dan Clarke (2006) pula menyatakan bahawa analisis tematik adalah untuk menganalisis data yang bertujuan untuk mencari corak dan tema dalam data kualitatif. Analisis tematik digunakan bagi mengkategorikan data-data dan membentuk tema yang berpadanan untuk menjawab soalan kajian dalam kajian ini.



Rajah 1: Proses Analisis Tematik.

Kaedah analisis kaedah tematik menggunakan beberapa proses. Transkripsi adalah langkah terawal untuk menggunakan kaedah tematik dalam menganalisis data yang diperolehi. Menurut Kriadalaksana (2001), transkripsi merupakan satu proses dalam pertukaran rakam temubual kepada teks. Secara mudah, transkripsi ini bertujuan untuk proses pemindahan data dari audio kepada penulisan. Setiap temubual yang dijalankan akan dirakam menggunakan telefon pintar untuk tujuan menukarkan data kepada teks.

Pada langkah seterusnya, pengkaji akan mengeluarkan kod untuk mencari perkataan atau kata kunci yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dalam langkah ini, pengkaji akan mengeluarkan semua kata kunci yang berkaitan untuk mengembangkan lagi tajuk kajian yang dikaji. Penentuan tema akan dibuat untuk memudahkan pengkaji dalam menganalisis data dan maklumat yang diperolehi. Hal ini dapat memberi pecahan yang lebih besar dalam membentuk maklumat tambahan pada kajian.

Analisis data akan dilakukan apabila semua maklumat yang dikeluarkan melalui proses yang dilakukan. Proses yang dilakukan mampu dalam mengembangkan data yang diperolehi dalam menganalisis data. Triangulasi adalah perkaitan data yang diperolehi dengan pandangan dari sudut yang berbeza bagi mendapatkan gambaran secara keseluruhan. Laporan penuh dapat dilakukan dengan kepadatan maklumat yang diperolehi dan membantu untuk menyelesaikan persoalan kajian.

3.5 ALAT BANTU KAJIAN

Alat bantu kajian adalah alat yang digunakan untuk membantu dalam mengumpulkan data. Alat bantu kajian merupakan satu alat yang digunakan oleh penyelidik ketika menjalankan sesuatu penyelidikan. Selain itu, ia digunakan sebagai asas bagi memperolehi data seperti yang dikehendaki oleh penyelidikan demi mencapai

objektif kajian. Alatan yang digunakan bertujuan untuk memudahkan pengkaji dalam mengumpul dan menyimpan data selain dapat memudahkan urusan temubual, kerja lapangan, dan sebagainya ketika proses sedang dilakukan. Antaranya alatan bantu kajian yang akan digunakan dalam kajian ini adalah:

3.5.1 Telefon Pintar

Telefon pintar digunakan untuk merakam tembual yang dijalankan untuk menyimpan maklumat yang diperolehi. Hal ini dapat mengelakkan segala maklumat yang diperolehi hilang dan menjadi sandaran dalam penyimpanan maklumat. Telefon pintar juga digunakan untuk mengambil gambar atau video yang berkaitan semasa kajian lapangan dilakukan. Selain itu, instrument ini merupakan medium dalam mendapatkan maklumat atau data yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan.

3.5.2 Buku Catatan

Buku catatan merupakan instrumen yang penting dalam sesuatu kajian untuk mencatat segala maklumat yang diperolehi. Buku catatan ini diperlukan sehingga kajian selesai kerana segala maklumat akan dicatat di buku catatan. Hal ini dapat mengelakkan berlakunya kehilangan maklumat yang penting untuk digunakan dalam kajian supaya dapat menganalisis data yang diperolehi secara efisien.

3.6 KESIMPULAN

Secara ringkasnya, bab ini memberi gambaran yang jelas tentang penggunaan metodologi kajian yang digunakan untuk kajian yang akan dilakukan. Selain itu, bab ini membincangkan tentang rekabentuk kajian, persampelan kajian, kaedah menganalisis data dan intrumen kajian dalam mendapatkan maklumat. Kaedah yang dibincangkan dapat memberi pemahaman yang jelas kepada pengkaji dalam mencapai objektif kajian. Kesemua data yang diperoleh oleh pengkaji hendaklah diteliti dengan rapi agar tidak memberi maklumat yang salah.

Metodologi kajian adalah penting dalam sesebuah kajian kerana ia membantu dalam pengumpulan maklumat. Terdapat dua jenis kaedah yang boleh digunakan untuk mengumpul maklumat atau data iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kaedah-kaedah ini mempunyai kelebihan yang tersendiri dalam mendapatkan maklumat daripada responden. Selain itu, kaedah yang digunakan mestilah sesuai dengan tajuk dan objektif kajian yang akan dilakukan. Kesemua kaedah yang dinyatakan dalam bab ini adalah berkait antara satu sama lain dalam menganalisis data.

Pandangan dan persepsi sesuatu pihak atau masyarakat adalah perkara yang difokuskan dalam bab ini untuk mendapatkan maklumat yang jelas dan tepat terhadap objektif kajian. Dalam kajian yang dilakukan, pengkaji mendapatkan persepsi atau pandangan pihak berkepentingan untuk mendapatkan data dan maklumat yang terperinci. Kaedah analisis tematik digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh dari bentuk audio kepada teks. Dengan kaedah ini dapat mengeluarkan maklumat tambahan untuk mengembangkan tajuk yang dikaji.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

PENGENALAN

Dalam bab ini akan memberi tumpuan kepada huraian dan analisis data untuk membincangkan persoalan dan objektif bagi sesuatu kajian. Hasil dapatan kajian hendaklah berdasarkan objektif yang telah pengkaji kemukakan. Segala maklumat yang telah dikumpul dan dicatat dari kajian perlu mencapai dan menjawab semua objektif yang telah dikemukakan. Oleh itu, pengkaji perlu memastikan objektif dan dapatan kajian saling berkait rapat supaya kajian ini tidak tersasar dari tujuan utama. Proses temubual juga telah dilakukan dengan orang yang berkenaan untuk melengkapkan kajian ini.

4.1 ANALISIS DATA

Dalam analisis data, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temubual. Melalui kaedah temubual, pengkaji telah mencapai objektif yang ingin dicapai dalam kajian yang dilakukan. Pengkaji telah menemubual lima orang responden yang terdiri daripada Penolong Pengawai Tadbir Majlis Daerah Mersing untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan aktiviti Island Hopping dijalankan dan impak yang diterima oleh pihaknya serta strategi bagi melestarikan kepulauan warisan tersebut. Pengkaji juga menemubual dua agensi pelancongan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian. Dalam mendapatkan maklumat yang lebih mendalam, pengkaji menemubual dua pengusaha bot sewa untuk mendapatkan impak yang diterima daripada aktiviti island hopping ini. Semua responden telah menjawab dengan jelas kesemua objektif yang berkaitan dengan kajian. Antara objektif

kajian yang telah dijawab adalah bagaimana aktiviti island hopping ini dijalankan, impak yang diterima oleh pihak berkepentingan serta usaha bagi melestarikan kepulauan warisan ini.

Selain menggunakan kaedah temubual, pengkaji juga mendapatkan maklumat melalui kajian kepustakaan. Pengkaji menganalisis artikel, jurnal dan buku bagi mendapatkan maklumat tambahan. Buku dan artikel dikaji adalah untuk menjawab beberapa persoalan tentang aktiviti pelancongan yang dijalankan.

4.1.1 Kaedah Temubual

Kaedah temubual yang digunakan ini merupakan kaedah pendekatan kualitatif seperti mana yang dinyatakan oleh Denzin dan Lincoln (1994) bahawa kaedah kualitatif mempunyai pelbagai kaedah yang mana mempunyai kaedah berfokus dan penyelidikan secara semulajadi dalam mengkaji sesuatu perkara. Kaedah temubual telah dijalankan kepada pihak berkepentingan dalam memainkan peranan penting dalam aktiviti island hopping di kepulauan warisan Mersing, Johor.

Analisis ini akan dibahagikan mengikut objektif yang telah ditetapkan iaitu mengenalpasti aktiviti island hopping, mengkaji impak yang diterima oleh pihak berkepentingan dan mengkaji usaha dan langkah dalam pelestarian di Kepulauan Warisan Mersing, Johor. Dalam kajian ini juga, pengkaji telah melabelkan kategori-kategori responden mengikut kod dan peranan bagi memudahkan pengkaji untuk melakukan analisis maklumat yang diperolehi. Kod ini digunakan untuk melabel responden yang telah ditemubual dan dibentuk seperti jadual 4.1.1:

Jadual 4.1.1: Kod Responden dan Peranan

| Bil. | Kod dan Huraian | Peranan |
|------|-----------------|---|
| 1 | R1 - MDM | Penolong Pegawai Tadbir Majlis Daerah Mersing |
| 2 | R2 - AP | Agensi Pelancongan |
| 3 | R3 - AP | Agensi Pelancongan |
| 4 | R4 - PP | Pemandu Pelancong |
| 5 | R5 - PBS | Pengusaha Bot Sewa |

Sumber Kajian: Kajian Melalui Temubual, 2023

Pengkaji telah menemubual lima orang responden untuk membantu dalam melakukan kajian ini. Responden terdiri daripada Penolong Pegawai Majlis Daerah Mersing (MDM), dua agensi pelancongan, pengusaha bot sewa dan pemandu pelancong. Responden yang dipilih disebabkan mereka terlibat secara langsung dalam aktiviti *island hopping* sebagai pihak berkepentingan. Pemilihan responden dibuat menggunakan persampelan bebola salji (*snowball*). Hal ini demikian kerana untuk memfokuskan kepada pihak berkepentingan sahaja untuk mendapatkan maklumat yang terperinci supaya menjawab objektif kajian yang dilakukan. Kajian ini jugak tertumpu kepada impak yang diterima oleh pihak berkepentingan dan langkah yang dilakukan dalam usaha pelestarian kepulauan warisan Mersing, Johor.

Jadual 4.1.2 Profil Responden Berdasarkan jantina, bangsa dan umur

| Profil Responden | R1- MDM | R2- AP | R3- AP | R4- PBS | R4-PBS |
|------------------|---------|--------|--------|---------|--------|
| Jantina: | | | | | |
| Lelaki | / | | | / | / |
| Perempuan | | / | / | | |
| Bangsa | | | | | |
| Melayu | / | / | / | / | / |
| Umur | | | | | |
| 20-30an | | / | / | | / |
| 40-50an | / | | | / | |

Sumber: Kajian Temubual, 2023

Kaedah menemubual responden dilakukan secara *face to face* dan pengkaji merekod setiap perbualan menggunakan alat perakam suara dan buku catatan. Hal ini dilakukan untuk menyimpan sebarang maklumat yang diperoleh oleh responden. Responden yang dipilih adalah dari kalangan pihak berkepentingan dalam aktiviti island hopping di kepulauan warisan Mersing, Johor. Jumlah responden adalah seramai lima orang yang terdiri daripada dua perempuan dan tiga lelaki. Kesemua responden berbangsa Melayu dan berumur dalam lingkungan 20 hingga 50-an.

Analisis temubual ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat mereka mengenai kajian dan mengukuhkan lagi dapatan yang dibuat hasil daripada sumber sekunder. Kepelbagaian peranan dalam pihak berkepentingan daripada pihak berkepentingan dapat menambahkan lagi maklumat yang diperoleh dan ulasan berdasarkan objektif kajian. Huraian yang dibuat berdasarkan soalan pada jadual 4.1.3:

Jadual 4.1.3: Senarai Soalan Yang Diajukan Semasa Temubual Mengikut Objektif Kajian

| Bil. | Objektif kajian | Soalan Temubual |
|------|---|---|
| 1. | Mengenal pasti jenis aktiviti Island Hopping di Kepulauan Mersing | <ol style="list-style-type: none"> 1. Bagaimanakah aktiviti island hopping ini dijalankan? 2. Di Manakah aktiviti island hopping dijalankan? 3. Apakah keistimewaan pulau-pulau yang terlibat ini? 4. Apakah aktiviti lain selain island hopping di kepulauan warisan Mersing, Johor? |
| 2. | Membincangkan impak aktiviti Island Hopping kepada pihak berkepentingan. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah impak positif yang diterima oleh pihak berkepentingan? 2. Apakah impak negatif yang diterima oleh pihak berkepentingan? |
| 3. | Mengenalpasti langkah pelestarian pelancongan di kepulauan warisan Mersing, Johor | <ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah usaha yang dilakukan? 2. Apakah cabaran dalam langkah pelestarian kepulauan ini |

Sumber: Kajian Temubual, 2023

Hasil daripada tembual ini mendapati bahawa kesemua responden memberi kerjasama dengan baik dan mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam aktiviti *island hopping* di kepulauan warisan Mersing, Johor. Selain itu, responden juga dapat mengulas dengan baik mengenai soalan yang diajukan kepada mereka.

4.2 AKTIVITI ISLAND HOPPING DI KEPULAUAN WARISAN MERSING, JOHOR.

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan berkenaan bagaimana aktiviti island hopping dijalankan di kepulauan warisan Mersing, Johor. Huraian yang dilakukan hasil daripada temu bual bersama responden diikuti dengan maklumat daripada sumber sekunder. Terdapat beberapa bahagian yang dihuraikan iaitu island hopping dijalankan, pulau yang terlibat, daya tarikan pulau di Mersing, dan kepelbagaian aktiviti di Kepulauan Warisan Mersing, Johor.

4.2.1 Aktiviti *island hopping* dijalankan

Kepulauan warisan mempunyai pelbagai sejarah yang tersendiri dengan menjadi tempat persinggahan sesetengah pedagang suatu ketika dahulu. Peredaran masa telah menyebabkan kepulauan ini sebagai pusat pelancongan yang popular serta menarik minat masyarakat tempatan malah dunia juga. Island hopping merupakan aktiviti yang paling popular yang berlaku di kepulauan ini. Island hopping adalah aktiviti jelajah satu pulau ke satu pulau dengan melakukan beberapa aktiviti seperti *snorkeling*, *hiking*, *diving* dan sebagainya.

Menurut responden yang berperanan sebagai pihak yang bertanggungjawab menyatakan bahawa aktiviti *Island Hopping* hanya boleh dijalankan pada waktu yang ditetapkan atas faktor keselamatan. Musim monsun adalah waktu yang bahaya untuk melakukan sebarang aktiviti yang berkaitan dengan kepulauan mersing kerana terdapat angin yang kuat dan laut yang bergelora. Kebiasanya aktiviti island hopping hanya dijalankan lapan hingga sembilan bulan bergantung pada cuaca ketika itu. Aktiviti ini akan dijalankan semula selepas kebenaran dikeluarkan oleh Majlis Daerah Mersing pada tarikh yang ditetapkan.

‘aktiviti island hopping akan bermula di jeti mersing, ke biasanya akan bergerak sekitar jam 8 atau 9 pagi bergantung pada pasang surut air. then barulah kita akan ke pulau yang ditentu dalam package pelanggan’

(R2)

Menurut Fatin Najwa (2023) menjelaskan bahawa aktiviti *island hopping* dilakukan setelah pelanggan menaiki bot penumpang di jeti Mersing mengikut waktu yang ditetapkan. Aktiviti island hopping ini akan dimulakan pada waktu pagi sehingga petang mengikut pasang surut air.

‘Biasanya lah kan island hopping ni orang buat day trip hujung minggu tapi ada je orang pergi dua hari satu malam, and stay dekat pulau tinggi atau pulau besar. Tu depend pada customer lah dia nak pilih mana.’

(R2)

Aktiviti *island hopping* kebiasaanya pelancong akan memilih pada hujung minggu iaitu Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad kerana cuti. Kebanyakan pelancong juga memilih untuk mengambil pakej melakukan *island hopping* secara satu hari sahaja berbanding dua hari satu malam. Hal ini demikina kerana kosnya lebih rendah berbanding menginap di Pulau Besar atau Pulau Tinggi (Fatin Najawa, 2023)

| 5 POINT TINGGI ISLAND DAYTRIP | 7 POINT SRIBUAT ISLAND DAYTRIP |
|---|---|
| <p>RM 165 / PAX RM 105 / CHILD (4-11Y) RM 25 / CHILD (0-3Y)</p> <p>HIKING, SIBU KUKUS VIEW POINT, TEKONG RAKIT CAVING, LIMA ISLAND SNORKELLING, LIMA ISLAND SNORKELLING, METINGGI ISLAND SNORKELLING, TINGGI ISLAND</p> | <p>RM 165 / PAX RM 105 / CHILD (4-11Y) RM 25 / CHILD (0-3Y)</p> <p>HIKING, SRIBUAT ISLAND FUN RIDE, MANGROVE TRAIL VIEW POINT, RAJA ISLAND CAVING, MERAH ROOF SNORKELLING, BESAR ISLAND SNORKELLING, HUJUNG ISLAND SNORKELLING, TENGAH ISLAND</p> |
| <p>INCLUDED HI-TEA LUNCH GUIDE MINERAL WATER SNACKS</p> <p>NOT INCLUDED MARINE PARK RM5 MERSING FEES RM5</p> | <p>INCLUDED LUNCH GUIDE MINERAL WATER SNACK</p> <p>NOT INCLUDED MARINE PARK RM5 MERSING FEES RM5</p> |
| <p>Contact us! @FATEN NAJWA 011-64358767</p> | <p>Contact us! @FATEN NAJWA 011-64358767</p> |

**4 POINT BESAR ISLAND
DAYTRIP**

RM 145 / PAX
RM 105 / CHILD (4-11Y)
RM 25 / CHILD (0-3Y)

CAVING, HARIMAU ISLAND
SNORKELLING, BESAR ISLAND
SNORKELLING, HUJUNG ISLAND
SNORKELLING, TENGAH ISLAND

INCLUDED
LUNCH
GUIDE
MINERAL WATER
SNACKS

NOT INCLUDED
MARINE PARK RM5
MERSING TAX RM5

Contact us!
@FATEN NAJWA 011-64358767

Gambar 1: Pakej Island Hopping Oleh Trip Kaklong

Sumber: Facebook Sharifah Najwa, 2023

4.2.2 Pulau yang terlibat dengan aktiviti *island hopping*

‘mersing ni ada banyak pulau. Dalam 30 pulau dalam sekitar sini tapi di bahagikan kepada lima mukim iaitu Pulau Tinggi, Pulau Besar, Pulau Aur, Pulau Sibu dan Pulau Mentinggi.’

(R1)

Kepulauan Warisan Mersing mempunyai lebih daripada 30 buah pulau di sekitarnya dan dibahagikan kepada lima mukim (Mohd Zamzairi,2023). Pulau Sibul, Pulau Besar, Pulau Tinggi, Pulau Aur dan Pulau Mentinggi adalah mukim yang dibahagikan di kepulauan ini. Walaupun mempunyai pulau yang banyak di sekitarnya, bukan semua pulau yang boleh melakukan aktiviti.

‘kite memang ada banyak pulau di sekitar sini tapi ada juga pulau yang tidak dibenarkan untuk sebarang aktiviti. sebagai contoh Pulau Harimau. bukan kite segajakan untuk melarang mana-mana agensi melakukan aktiviti tetapi kita lebih kepada menjaga alam sekitar di kawasan tersebut lah’

(R1)

Menurut Mohd Zamzairi (2023) menyatakan bahawa tidak semua pulau yang terlibat secara langsung dalam aktiviti island hopping di kepulauan warisan Mersing. Sebagai contoh, Pulau Harimau adalah salah satu pulau yang tidak terlibat dalam sebarang aktiviti pelancongan. hal ini dikatakan kerana untuk memelihara alam sekitar daripada pencemaran alam sekitar. Jika mahu juga melakukan aktiviti di kawasan tersebut, individu tersebut mestilah meminta permohonan dari pihak PBT untuk melakukan segala aktiviti (Mohd Zamzairi,2023).



Gambar 2: Pulau Harimau, Mersing

Sumber: Carian Internet,2023

Terdapat beberapa pulau yang terlibat dalam aktiviti island hopping ini seperti Pulau Besar, Pulau Hujung, Pulau Tengah, Pulau Sri Buat, dan Pulau Mentinggi (Fatin Najwa,2023). Kedudukan kepulauan ini yang berdekatan antara satu sama lain memudahkan aktiviti island hopping ini dijalankan. Terdapat juga pulau yang menyediakan tempat penginapan seperti Pulau Besar, Pulau Tinggi dan Pulau Mentinggi (Liyana,2023).

4.2.3 Daya tarikan pelancong di kepulauan Mersing, Johor

Kepulauan warisan ini mempunyai keindahan yang tersendiri kerana kedudukan pulau-pulau ini yang berdekatan antara satu sama lain. Menerusi keratan akhbar Kosmo Online keluaran Oktober, 2023, yang bertajuk 'Pulau Mersing Indah Bak Maldives' jelas menggambarkan keindahan yang berada di kepulauan warisan Mersing ini. Wan Nurmafuzah Jannah iaitu penulis Kosmo Online menyatakan bahawa kepulauan Mersing mempunyai air yang jernih sehingga menampakkan batu yang tersusun di dalam air.



Gambar 3: Laporan bertajuk ‘Pulau di Mersing indah bak Maldives’

Sumber: Kosmo,2023

‘bukan sahaja pulau-pulau ini cantik tetapi keistimewaan yang meramaikan pelancongan yang adalah aktiviti yang disediakan kat sini. macam contoh ada hiking untuk tengok view yang cantik’

(R4)

Menurut Fadlan Harris (2023) menyatakan bahawa tarikan utama pelancong adalah keindahan semulajadi yang ada di kepulauan Mersing ini. Selain itu, aktiviti

seperti hiking telah menjadi asbab kehadiran pelancong yang menginginkan pemandangan yang cantik setelah melakukan aktiviti hiking di pulau yang berkenaan.

4.2.4 Kepelbagaian aktiviti di kepulauan Mersing, Johor

‘selain island hopping ni, ada lagi aktiviti lain macam diving dan hiking’

(R3)

Menurut Liyana (2023) menyatakan aktiviti yang dijalankan di Kepulauan Mersing ini bukan tertumpu pada Island hopping sahaja malah pelbagai aktiviti lain juga dilakukan. Aktiviti seperti hiking di kepulauan ini juga mendapat perhatian pelancong.

‘kite kan sekitar kepulauan mersing tidak tumpu pada island hopping sahaja malah ada aktiviti lain yang dapat menarik minat pelancong. sebagai contoh hiking, diving di pulau tinggi dan banyak lagi. sekarang pun ada perbincangan dalam menambah aktiviti yang baru’

(R1)

Aktiviti yang berada di kawasan kepulauan warisan Mersing tidak tertumpu pada island hopping sahaja malah terdapat juga aktiviti lain. sebagai contoh, diving, hiking, dan sebagainya (Mohd Zamzairi,2023). Tambahnya lagi, aktiviti yang baru sedang dibincangkan untuk meningkatkan kehadiran pelancong di daerah Mersing.



Gambar 4: *Hiking* di Pulau Sri buat

Sumber: Internet



Gambar 5: *Hiking* di Pulau Sibu Kukus

Sumber: Internet



Gambar 6: Tempat aktiviti *Scuba Diving* dilakukan

Sumber: Internet

4.3 IMPAK YANG DITERIMA OLEH PIHAK BERKEPENTINGAN DARIPADA AKTIVITI ISLAND HOPPING.

Impak yang diterima oleh pihak berkepentingan terbahagi kepada dua iaitu impak positif dan impak negatif. Aktiviti island hopping telah memberi kesan yang mendalam terhadap ekonomi setempat mahupun alam sekitar. Kehadiran pelancong telah memberi banyak impak kepada perubahan yang berlaku di kawasan setempat.

4.3.1 Impak positif yang diterima

4.3.1.1 Impak dari segi pelancongan

‘impak yang diterima yang pertama adalah menarik pelancong dari luar dan dalam negara. Untuk rekod, 15 ribu pelancong secara purata yang datang di Mersing untuk melakukan aktiviti pelancongan. ini termasuk pelancong yang menggunakan jeti Mersing untuk ke Pulau Tioman’

(R1)

Menurut Mohd Zamzairi (2023) menyatakan bahawa sepanjang lapan bulan jeti Mersing beroperasi, seramai 15 ribu pelancong yang hadir ke Mersing untuk melakukan aktiviti pelancongan. Aktiviti pelancongan biasanya dilakukan pada hujung minggu iaitu Jumaat, Sabtu, dan Ahad. Kehadiran pelancongan bukan tertumpu pada aktiviti *island hopping* sahaja malah terdapat juga pelancong yang hadir untuk ke Pulau Tioman.

‘aktiviti ini buat banyak orang datang lah sebabnya trend kan orang datang nak tengok sendiri nak rasa macam mana aktiviti island hopping buat’

(R2)

Menurut Fatin Najwa (2023) menjelaskan pula aktiviti *island hopping* ini sememangnya membantu dalam meningkatkan kehadiran pelancong ke daerah Mersing ini. Kehadiran pelancong ini disebabkan oleh *trend* yang berlaku di media sosial yang telah menarik pelancong untuk hadir untuk melakukan aktiviti *island hopping*.

‘sejak selepas pkk dulu, ramai pelancong datang sebab tak boleh melancong luar negara hanya boleh melancong dalam negara kan. benda macam ni membantu dalam kehadiran pelancong sambil menarik pelancong dalam negara sendiri dan boleh kenalkan keunikan pulau pulau sini’

(R4)

Covid-19 telah memberi kesan kepada industri pelancongan di Mersing setelah pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilakukan. Menurut Fadlan Harris (2023) menjelaskan bahawa selepas PKP dilaksanakan oleh kerajaan, kehadiran pelancong di daerah Mersing telah meningkatkan terutamanya pada hujung minggu. Hal ini demikian kerana kerajaan hanya membenarkan masyarakat Malaysia melancong dalam negara sahaja. Hal ini secara langsung dapat mempromosikan tempat-tempat pelancongan yang menarik di Malaysia termasuklah aktiviti *island hopping* di kepulauan warisan Mersing (Fadlan Harris,2023).

4.3.1.2 Impak dari segi ekonomi

Selain dapat memberi impak kepada kehadiran pelancong di daerah Mersing, aktiviti *island hopping* juga membantu dalam ekonomi setempat. Ekonomi setempat dilihat semakin meningkat dengan pembukaan gerai-gerai atau kiosk makanan yang berdekatan dengan jeti Mersing (Mohd Zamzairi, 2023).

‘aktiviti island hopping ini juga membantu dalam meningkatkan ekonomi setempat. sebagai contoh kite sudah memperbanyakkan kiosk-kiosk untuk peniaga untuk membantu dalam perniagaan mereka’

(R1)

Menurut Mohd Zamzairi (2023) menjelaskan bahawa aktiviti island hopping telah banyak membantu dalam meningkatkan ekonomi setempat. Majlis Daerah Mersing sebagai pihak yang paling bertanggungjawab telah mendapat manfaat dari segi pengutipan cukai yang dikenakan dan sewaan gerai dan kiosk kepada peniaga tempatan.

‘...dapat membantu lah dalam perkembangan industri pelancongan tempatan sebabnya island hopping banyak tolong untuk kami sebagai pengusaha bot ni. macam kalau takde customer untuk island hopping, ada je customer menyewa bot untuk memancing dan carter boat untuk ke pulau tioman. so banyak orang mersing sekarang usahakan speed boat ni sebab orang nampak lah benda ni buat duit hahahahahaha.’

(R5)

Menurut Fadhil Azis (2023) menyatakan bahawa aktiviti island hopping telah membuka kepada perkembangan industri pelancongan yang boleh membantu ekonomi tempatan. Hal ini dikatakan kerana melalui aktiviti *island hopping*, pengusaha-pengusaha bot sewa di sekitar kawasan Mersing memperoleh pelanggan melalui agensi pelancongan. Bukan itu sahaja, pengusaha bot sewa sekitar Mersing juga dapat mengambil peluang untuk memberi perkhidmatan bot sewa untuk ke Pulau Tioman dan aktiviti memancing.

‘sebagai operator, kita juga ada masalah seperti bot tidak mencukupi untuk menampung pelancong untuk melakukan aktiviti island hopping ni. jadi kami menggunakan perkhidmatan bot sewa sebagai alternatif lain untuk selesaikan masalah ni’

(R3)

Menurut Liyana (2023) menjelaskan bahawa mereka menggunakan perkhidmatan bot sewa untuk melakukan aktiviti *island hopping*. Hal ini disebabkan oleh agensi pelancongan tidak dapat menampung pelancong yang ingin melakukan aktiviti *island hopping* dalam satu masa. Perkara ini sering berlaku ketika hujung minggu, cuti umum dan tarikh-tarikh yang sesuai untuk bercuti (Fatin Najwa,2023). Hal ini jelas menunjukkan aktiviti *island hopping* membantu dalam perkembangan ekonomi setempat.

4.3.1.3 Impak dari segi pembangunan

‘bila kehadiran pelancong pun meningkat, fasiliti awam kita pun perlu ditingkatkan seperti parking, tandas dan sebagainya.

(R1)

Menurut Mohd Zamzairi (2023) menyatakan bahawa pihaknya ada pihak bertanggungjawab dalam menyediakan fasiliti yang terbaik kepada pengunjung. Dengan pertambahan pelancong yang datang ke daerah Mersing, fasiliti yang sedia ada perlu ditingkatkan agar memberi kemudahan kepada pelancong dan masyarakat setempat supaya tidak menimbulkan sebarang masalah.

4.3.2 Impak negatif yang diterima

4.3.2.1 Impak kepada alam sekitar

‘kalau kesan negatif pula, sampah lah. kite boleh nampak sampah terapung atas air lepas buat island hopping ni. sampah ni kita kutip balik tak naklah dia rosakkan coral coral yang ada kat pulau-pulau ni’

(R1)

Aktiviti *island hopping* ini juga telah memberi impak yang negatif terhadap ekosistem marin di kepulauan warisan Mersing ini. Menurut Mohd Zamzairi (2023) menyatakan bahawa aktiviti *island hopping* telah memperlihatkan sampah sarap yang terapung di dasar laut sekitar pulau yang terlibat. Masalah ini disebabkan oleh segelintir pelancong yang tidak mempunyai kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar. Pihak

berkepentingan adalah pihak yang bertanggungjawab dalam kelestarian kawasan yang terlibat dengan aktiviti *island hopping*.

‘kalau tempat tempat snorkeling rendah rendah ni bahaya untuk pelancong yang tak tahu. sebab kalau dia terpijak coral-coral ni boleh rosak coral ni. coral ni susah nak tumbuh makan masa yang lama nak jadi macam sekarang’

(R4)

Kehadiran pelancong ke kepulauan warisan Mersing bukan sahaja menyebabkan pencemaran sampah berlaku malah menyebabkan juga kehidupan ekosistem marin terganggu (Fadlan Harris,2023). Kerosakan ekosistem marin boleh mengganggu kedatangan pelancong ke kepulauan warisan Mersing kerana tarikan utama pelancongan telah mengalami kerosakan. Menurut Fadlan Harris (2023) menyatakan bahawa kerosakan yang berlaku terutama kepada terumbu karang disebabkan oleh pelancong yang terpijak secara sengaja atau tidak sengaja.

4.3.2.2 Impak kepada kewangan

‘biasalah kalau kesan negatifnya semestinya costing. sebabnya bila moonsun ni aktiviti island hopping ni tak boleh nak dijalankan akibat daripada faktor cuaca yang tak bahaya. kita ni sebagai agen pelancongan yang jalankan island hopping sebagai pekerjaan utama terpaksa cari jalan lain untuk teruskan perniagaan’

(R2)

Fatin Najwa (2023) menyatakan bahawa musim tengkujuh pada hujung tahun adalah cabaran utama sebagai agen pelancongan untuk mengekalkan perniagaannya. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti *island hopping* adalah pakej yang sering dijual kepada pelancong kerana permintaan yang tinggi dalam kalangan pelancong. Apabila tiba musim tengkujuh hampir lima bulan aktiviti *island hopping* tidak dapat dijalankan dan memberikan kesan yang mendalam kepada agen pelancongan (Fatin Najwa, 2023).

‘pada musim monsun, kita terpaksa tanggung kos sedikit bila island hopping tak dapat dijalankan. kita memikirkan gaji staff yang agak ramai dengan kos selenggara bot lagi dan kita terpaksa memotong sikit gaji yang mereka terima supaya tidak membebankan syarikat’

(R3)

Menurut Liyana (2023) menyatakan bahawa operator aktiviti *island hopping* terpaksa menanggung kos yang agak tinggi untuk pelestarian syarikat mereka. Hal ini dikatakan kerana pada musim monsun aktiviti *island hopping* tidak dapat dijalankan kerana keadaan yang berbahaya di laut. Bukan hanya memberi cabaran kepada pekerja malah kos selenggara dan membaik pulih bot juga perlu difikirkan oleh syarikat dalam tempoh musim monsun berlangsung.

4.3.2.3 Impak kepada keselamatan

‘...pernah ada satu kes kematian di pulau tinggi. ada seorang pelancong sedang melakukan aktiviti scuba diving and ada bot lalu di atas permukaan air then langgar orang tu. benda

ni kecuaiian pihak diving tu disebabkan tidak meletakkan tanda sedang melakukan diving’

(R1)

Menurut Mohd Zamzairi (2023) menyatakan bahawa kes kematian pernah berlaku dalam sedang aktiviti *island hopping* dijalankan kerana kecuaiian penyelam tidak meletakkan penanda untuk melakukan aktiviti *scuba diving*. Setiap penyelam perlu meletakkan penanda sebelum melakukan aktiviti *scuba diving* untuk memberi petunjuk kepada pemandu bot terutamanya untuk mengelak atau memperlahankan bot yang dipandu di kawasan tersebut.

‘dalam menerima pelancong yang ramai, kita juga terlepas pandang kadang-kadang terhadap pelancong yang tidak tahu berenang. faktor keselamatan pelancong perlu kita menitikberatkan sebab kita main dengan nyawa orang kan, jadi itulah’

(R5)

Menurut Fadhil Azis (2023) menyatakan bahawa keselamatan adalah faktor yang perlu diutamakan sepanjang aktiviti *island hopping* dilakukan. Aktiviti *island hopping* bukan sahaja hanya melakukan *snorkeling* sahaja malah terdapat juga aktiviti lain seperti *hiking dan caving*. Sebagai pemandu pelancong, mereka perlu mahir dalam kemahiran berenang terutamanya supaya dapat membantu menghadapi pelancong yang kurang mahir dalam kemahiran tersebut (Fadhil Azis,2023)

4.4 STRATEGI DAN USAHA DALAM KELESTARIAN DI KEPULAUAN WARISAN MERSING, JOHOR

4.4.1 Usaha pelestarian dalam konteks pelancongan

Mersing Tourism Operator System (METOS)



Gambar 7: Logo Mersing Tourism Operating System

Sumber : Internet,2023

Perkembangan yang pesat dalam industri pelancongan di Mersing telah mewujudkan satu sistem untuk mengawal segala aktiviti pelancongan yang berlaku. Walaupun ini menawarkan ekonomi peluang dan menggalakkan pelancongan, ia pada masa yang sama menimbulkan beberapa cabaran, seperti sebagai keperluan untuk pengurusan pelancong yang berkesan dan pemeliharaan marin persekitaran. *Mersing Tourism Operator System (METOS)* adalah satu sistem kawalan pelancongan yang diwujudkan oleh Majlis Daerah Mersing dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan seperti Jabatan Perikanan Negeri Johor, Taman Laut Sultan Iskandar, *Mersing Tourism Association (MTA)* dan sebagainya.

‘kewujudan metos ini adalah untuk menjadikan ia sebagai one stop centre bagi pelbagai aktiviti pelancongan seperti island hopping, diving, hiking, cycling, dan camping. Jadi

kita nak control dan menjadi one stop centre untuk mendapatkan satu rekod khas untuk daerah Mersing’


(R1)

Menurut Mohd Zamzairi (2023) menyatakan bahawa tujuan METOS diwujudkan untuk mengawal segala aktiviti pelancongan yang dijalankan di seluruh daerah Mersing. Kewujudan METOS ini juga bagi mendapatkan rekod khas untuk disimpan oleh Majlis Daerah Mersing untuk kegunaan akan datang.

‘sebelum kami keluar untuk aktiviti island hopping, kami kena buat permohonan melalui metos apps dua tiga hari sebelum keluar buat aktiviti. Dalam tu kita kena letak rekod customer dengan aktiviti apa kita nak buat’

(R3)

Bagi agensi pelancongan yang menjalankan aktiviti island hopping, mereka dikehendaki membuat permohonan untuk melakukan aktiviti di MeTOS Apps (Liyana, 2023). Permohonan dibuat perlu dilakukan dalam masa yang ditetapkan iaitu dua atau tiga hari sebelum melakukan aktiviti *island hopping*. Menurut Liyana (2023) menyatakan bahawa permohonan dibuat adalah untuk memberikan maklumat pelancong sebagai rekod khas.



Rajah: METOS Apps

Sumber: Laman web Majlis Daerah Mersing,2023

Sustainable Travel Mersing (STM)



Gambar 8: Logo *Sustainable Travel Mersing (STM)*

Sumber: Google image,2019

Sustainable Travel Mersing (STM) merupakan satu inisiatif pelbagai pihak yang berpusat di Mersing, Johor. Inisiatif ini berusaha untuk mewujudkan pelancongan lestari dimana komuniti dan perniagaan berkembang bersama dengan ekosistem yang

sihat. Inisiatif ini dijalankan oleh Kumpulan Penyelaras Destinasi STM (STMDCG), iaitu satu kumpulan yang terdiri daripada pihak berkepentingan utama seperti kerajaan, sektor swasta, NGO dan masyarakat tempatan dan diketuai oleh Yang Dipertua, Majlis Daerah Mersing.

Kewujudan STM mempunyai misi dan visi yang jelas dalam pelestarian pelancongan di daerah Mersing. Visi STM adalah Bersama-sama membangun Mersing yang berdaya tahan di mana perniagaan, komuniti, dan alam berkembang maju untuk kepentingan generasi akan datang. Bagi misi STM pula adalah untuk melindungi dan mengurus sumber semula jadi, budaya dan ekonomi Mersing secara kolaboratif, sambil mengembangkan pelancongan alam dan Masyarakat untuk kepentingan generasi sekarang dan akan datang.

Terdapat tiga objektif utama STM ini diwujudkan iaitu daerah Mersing mendapat pensijilan Destinasi Lestari yang pertama di Malaysia melalui piawaian standard oleh *Global Sustainable Tourism Council (GSTC)* menjelang 2024. Objektif kedua pula adalah menyediakan strategi destinasi Lestari untuk daerah Mersing selaras dengan 17 matlamat PBB (SDGs). STM ini juga untuk memastikan penyertaan semua pihak berkepentingan dalam pembangunan kelestarian pelancongan yang strategi.

‘banyak program yang kita buat macam contoh kami buat, program ramah mesra dengan komuniti dan pembersihan pantai bersama pihak NGO dengan komuniti. Selain itu, kami buat juga survey untuk minta pandangan masyarakat tentang isu berbangkit’

(R1)

Menurut Mohd Zamzairi (2023) menyatakan bahawa program-program yang dilakukan oleh STM ini untuk mendekatkan diri dengan komuniti selain untuk menerapkan nilai kecintaan terhadap alam sekitar. Selain itu juga, program ramah mesra bersama masyarakat setempat juga untuk meminta pandangan atau cadangan masyarakat untuk memperkasakan undang-undang yang sedia ada (Mohd Zamzairi, 2023).

‘bagi pihak kami sebagai agen, kami selalu follow dengan program clean up Pantai dengan NGO dan majlis lah. Ni untuk support program yang diorang buat sebab majlis selalu ajak untuk join program macam ni’

(R2)

Bagi menyokong dalam usaha pembangunan pelestarian pelancongan di daerah Mersing, pihak berkepentingan seperti agensi pelancongan mengikuti program yang dilaksanakan oleh STM (Fatin Najwa, 2023). Hal ini adalah sebagai tanda sokongan terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam pelestarian alam sekitar dan pelancongan selain membantu dengan cara yang tersendiri.

4.4.2 Usaha pelestarian dalam konteks warisan atau sejarah

‘dalam untuk kekalkan sejarah ni, biasenya tour guide jela yang akan cerita tentang sejarah pulau ni. aaaaaa papan maklumat pun takde sangat untuk pelancong nak bace. Ni inisiatif guide sendiri kalua dia nak bercerita.’

(R5)

‘kalau saya, saya lebih kepada bercerita je dekat customer time stop dekat sesuatu pulau. So sebelum mereka memulakan aktiviti dorang dapat sesuatu lah.’

(R4)

Usaha untuk mengekalkan sejarah atau warisan kepulauan ini masih diteruskan oleh penduduk tempatan yang bekerja sebagai pemandu pelancong (Fadhil Azis,2023). Penceritaan yang dibuat melalui sejarah yang berlaku di kepulauan tersebut dan keunikkan yang ada pada pulau tersebut. Bukan itu Sahaja, perkara sama juga dilakukan oleh R3 sebagai pemandu pelancong yang bercerita tentang Sejarah atau maklumat tambahan tentang pulau yang berkenaan. Menurut Fadlan Harris (2023) menyatakan bahawa maklumat diberikan kepada pelancong agar mereka dapat mempelajari sesuatu yang baru dan sejarah pulau tersebut.

4.4.3 Cabaran yang dihadapi dalam usaha pelestarian pelancongan dan warisan

Usaha pelestarian dilakukan adalah untuk memelihara keindahan kepulauan warisan Mersing disamping dapat meningkatkan kedatangan pelancong. Pelbagai usaha yang dilakukan untuk memastikan sistem pelancongan dapat dikawal dengan teratur dan Sejarah dapat dikekalkan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang dikesan dalam usaha pelestarian Kepulauan Warisan Mersing dalam konteks pelancongan dan sejarah.

4.4.3.1 Cabaran usaha pelestarian dalam konteks pelancongan

‘faktor kewangan. Typical. Masalah kewangan ni semua orang alami bukan dari pihak kite je. Musim moosun adalah waktu yang kite kena mengeluarkan kos yang besar sebab

aktiviti bersih pantai banyak kali. Bila musim moosun ni banyak perkara kami fikirkan untuk upgrade apa yang patut kerana musim ni pelancong kurang datang dan masa yang sesuai untuk kami betulkan apa yang berkaitan lah.’

(R1)

Menurut Mohd Zamzairi (2023) menjelaskan bahawa faktor kewangan adalah faktor utama dalam usaha pelestarian di Kepulauan Warisan Mersing. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak mereka iaitu Majlis Daerah Mersing akan mengeluarkan bajet yang besar dalam melakukan aktiviti pembersihan di sekitar kawasan Mersing. Bukan itu sahaja, kerja-kerja membaik pulih juga dilakukan pada musim monsun kerana kehadiran pelancong yang kurang pada waktu itu.

‘kadang-kadang pelancong tu sendiri mentality buang sampah suka hati. Benda macamni perlu betulkan balik sebab kalau ada sistem yang terkawal tapi mentaliti stay lagi macamni, susah jugak.’

(R3)

Menurut Liyana (2024) menyatakan bahawa cabaran yang dihadapinya dalam usaha pelestarian adalah mentaliti segelintir pelancong yang masih lagi diparas yang tidak memuaskan. Kegiatan membuang sampah merata-rata adalah sikap yang tidak wajar yang dilakukan kerana ia merosakkan keindahan alam sekitar.

4.4.3.2 Cabaran usaha pelestarian dalam konteks Sejarah

‘banyak tour guide sekarang muda muda dan tak tahu mengenali sejarah pulau pulau ni. Yang berpengalaman pula hanya bawak bot Sahaja dan tak handle customer’

(R5)

Menurut Fadhil Azis (2023) menjelaskan bahawa kekurangan pemandu pelancong kini menyebabkan sejarah kepulauan warisan ini tidak dikembangkan kepada Masyarakat luar. Kebanyakan mereka hanya bercakap mengenai keselamatan semasa melakukan aktiviti *island hopping* selain menceritakan serba sedikit tentang kehidupan yang ada di lautan.

4.5 KESIMPULAN

Seramai lima orang responden telah dipilih dalam kalangan pihak berkepentingan untuk pengkaji mendapatkan maklumat tentang aktiviti *island hopping* di Kepulauan Warisan Mersing, Johor. Dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan, pengkaji telah memilih pihak berkepentingan dari pelbagai peranan agar maklumat yang diperoleh berkualiti.

Hasil dapatan kajian yang dilakukan adalah aktiviti *island hopping* banyak memberi kesan yang positif kepada pihak berkepentingan terutamanya dalam sektor ekonomi. Bukan itu sahaja, aktiviti *island hopping* juga dapat memberi pelajaran yang baik kepada masyarakat kerana mempunyai sejarah yang tmenarik untuk diceritakan. Walau bagaimanapun, terdapat juga impak negatif yang diterima hasil kedatangan pelancong melalui pencemaran alam sekitar yang merosakkan keindahan kepulauan warisan Mersing ini.

Perkembangan pelancongan di Mersing juga bertambah baik hasil daripada usaha pelestarian yang dilakukan oleh pihak berkepentingan. METOS adalah satu sistem kawalan pelancongan yang baik dalam pembangunan pelancongan di Mersing. Hasil kajian yang dilakukan, usaha pelestarian dapat mengurangkan masalah yang berbangkit seperti pencemaran alam sekitar dan sebagainya. Dalam masa yang sama telah wujud kerisauan sesetengah pihak terhadap sejarah kepulauan ini yang semakin dilupakan oleh generasi baru.

Kepulauan Mersing mempunyai Sejarah yang menarik untuk diveritakan kepada masyarakat. Hasil kajian yang dilakukan, kekurangan pemandu pelancogan yang berpengetahuan tentang sejarah antara punca yang boleh menyebabkan sejarah kepulauan ini dilupakan. Usaha pelestarian terhadap sejarah perlu dipertingkatkan agar sejarah kepulauan ini tidak dilupakan pada masa akan datang.

BAB V

PENUTUP

5.0 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang rumusan atau kesimpulan sepanjang kajian dan mengemukakan beberapa cabaran dan saranan. Pada bahagian perbincangan akan membincangkan tentang rumusan dalam kajian yang dilakukan. Sektor pelancongan antara sektor terpenting bagi sesebuah negara dalam meningkatkan pendapatan negara. Industri pelancongan merupakan penjana ekonomi negara yang sepatutnya diberi penekanan yang sewajarnya. Kejayaan bagi sektor pelancongan bukanlah semata-mata bergantung kepada kempen atau promosi dan pengiklanan sahaja tetapi ia juga berkait rapat dengan sistem pengangkutan, kemudahan lapangan terbang, kebersihan persekitaran, keselamatan pelancong, alam sekitar dan sebagainya. Masyarakat dan pihak berkepentingan mestilah berganding bahu dalam memastikan perancangan dan dasar negara dalam mengembangkan industri pelancongan melalui produk pelancongan seperti pelancongan warisan, pendidikan, makanan, dan sebagainya.

Sektor pelancongan juga bukan sahaja dapat meningkatkan sumber pendapatan negara malah dapat mengembangkan lagi industri pelancongan. Perkembangan ini dapat dilihat dengan wujudnya industri yang baharu seperti perkhidmatan pengangkutan, agensi pelancongan, jurupandu pelancongan, makanan dan sebagainya. Galakan dan sokongan dari pelbagai pihak antara penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui industri pelancongan pembinaan *hotel*, *resort*, dan sebagainya. Masyarakat juga antara pihak yang berusaha dalam mempromosikan industri dengan menggunakan pelbagai platform agar dapat menarik pelancongan dari dalam dan luar negara.

5.1 RUMUSAN

Mersing merupakan sebuah kawasan yang sedang berkembang dengan aktiviti-aktiviti pelancongan. Tarikan pelancong ini bermula Pulau Tioman dan pulau-pulau yang berdekatan kawasan ini. Terdapat lebih daripada 40 pulau yang terletak di kawasan ini seperti Pulau Besar, Pulau Tinggi, Pulau Aur dan sebagainya. Industri pelancongan di kawasan ini mula berkembang disebabkan menjadi penghubung kepada kehadiran pelancong untuk ke Pulau Tioman dan pulau-pulau berdekatan. Kepulauan Mersing ini mempunyai sejarah yang tersendiri dimana ia dikenali sebagai Johor Tenggara yang menjadi laluan penting bagi kapal-kapal yang berlayar dari Champa, Vietnam dan China. Kini kepulauan warisan ini menjadi destinasi pelancongan yang terkenal di Malaysia dengan aktiviti-aktiviti pelancongan yang menarik seperti *island hopping*, *scuba diving*, memancing dan sebagainya.

Dalam kajian ini akan kepada rumusan impak aktiviti pelancongan *Island Hopping* kepada pihak berkepentingan. Pihak berkepentingan memainkan peranan utama dalam usaha mengembangkan sektor pelancongan disamping dorongan yang diberikan oleh masyarakat setempat. Dalam bab awal menjelaskan tentang perkembangan pelancongan yang menjadi faktor industri pelancongan sebagai punca pendapatan ekonomi sesebuah negara. Sektor pelancongan mula berkembang sejak 5000 tahun lalu sejajar dengan revolusi perindustrian di benua Eropah dan Amerika Syarikat Utara. Pada 1970-an, industri pelancongan mula dibangun di Malaysia demi pendapatan negara.

Aktiviti pelancongan yang dijalankan di sesuatu kawasan pelancongan antara faktor yang membawa kehadiran pelancong. Aktiviti yang menarik akan mendapat lebih banyak sambutan dari kehadiran pelancong yang ingin mencubanya. *Island hopping*

ialah aktiviti jelajah satu pulau ke satu pulau untuk melihat pulau dengan lebih dekat. Aktiviti ini menjadi pemangkin kepada pembangunan sektor pelancongan di kepulauan warisan Mersing kerana sering pelancong dari dalam dan luar negara. *Aktiviti island hopping* ini dijalankan di beberapa kepulauan warisan Mersing seperti Pulau Tinggi, Pulau besar, dan Pulau Sibukukus.

Pihak berkepentingan adalah pihak yang bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung dalam sesuatu perkara. Dalam industri pelancongan, pihak bertanggungjawab berperanan dalam menguruskan aktiviti pelancongan dari segi penginapan, perkhidmatan, promosi dan sebagainya. Pihak berkepentingan ini terdiri daripada Pihak Berkuasa Tempatan, agensi pelancongan dan lain-lain bekerjasama dalam usaha mengembangkan sektor pelancongan. Peranan pihak berkepentingan ini bertujuan memastikan perkhidmatan yang disediakan membantu kepada kehadiran pelancong supaya selesa dan mudah digunakan.

Dalam kajian yang dilakukan, pengkaji mengemukakan tiga persoalan berdasarkan permasalahan kajian iaitu bagaimana aktiviti *island hopping* dijalankan, impak aktiviti *island hopping* kepada pihak berkepentingan dan kaedah pelestarian dalam menjaga kepulauan warisan Mersing. Objektif kajian pula dibentuk melalui pembinaan persoalan kajian sebagai tujuan kajian ini dilakukan. Bagi skop kajian, ia tertumpu kepada pihak berkepentingan yang memainkan peranan penting dalam aktiviti *island hopping* di kepulauan warisan Mersing.

Dalam kajian yang dilakukan pengkaji telah menggunakan teori persepsi oleh Rhenald Kesali (2006) bagi mendapatkan jawapan kepada objektif yang dibentuk. Aspek-aspek tertentu yang telah mempengaruhi jawapan responden seperti latar belakang budaya, pengalaman, nilai dan berita.

Kajian yang dilakukan mendapati bahawa aktiviti pelancongan di kepulauan warisan Mersing telah memberi perkembangan yang positif kepada ekonomi setempat. Aktiviti *island hopping* menjadi tarikan penting dalam perkembangan tersebut. Kehadiran pelancong telah dari seluruh negara telah menjadikan kawasan ini sebagai kawasan pelancongan yang popular bagi aktiviti percutian. Selain aktiviti *island hopping* yang menjadi tarikan kehadiran pelancong, aktiviti seperti *scuba diving*, *snorkeling*, *hiking* dan sebagainya menjadi tarikan lain di kepulauan berkenaan.

Pelbagai impak telah oleh pihak berkepentingan sama ada positif dan negatif daripada aktiviti *island hopping* di kepulauan warisan Mersing. Perkembangan sektor pelancongan telah membuka peluang kewujudan baharu di kawasan setempat. Sebagai contoh, Masyarakat dapat mengambil peluang dengan membuka perniagaan baharu dengan menyediakan perkhidmatan penginapan, makanan dan sebagainya. Antara impak positif lain adalah membuka tapak sewaan perniagaan dan tempat letak kenderaan untuk meningkatkan sumber pendapatan.

Dari segi impak negatif pula, faktor kewangan antara cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam menghadapi musim tengkujuh. Musim tengkujuh adalah satu jangka masa yang agensi akan berhenti beroperasi seketika kerana cuaca yang tidak begitu baik dan laut yang bergelora. Dengan berhentinya pengoperasian aktiviti pelancongan, sumber pendapatan bagi sesebuah syarikat akan terjejas kerana perlu membayar gaji. Bagi pihak berkuasa tempatan pula, musim tengkujuh menyebabkan longgokan sampah sarap di persisiran pantai di Mersing yang semakin bertambah.

Dalam usaha pelestarian, pihak berkepentingan telah berganding bahu supaya pembangunan pelancongan dapat ditingkatkan di samping alam sekitar dapat dipelihara

dengan baik. Pelbagai usaha telah dilakukan seperti *Mersing Tourism Operation System (METOS)* iaitu mewujudkan *standard operation system (SOP)* yang dikenakan kepada semua agensi pelancongan bagi aktiviti pelancongan di kawasan Mersing. Hal ini dilihat sebagai satu langkah pelestarian yang proaktif untuk memelihara alam sekitar di samping dapat meningkatkan sumber pendapatan negara menerusi sektor pelancongan.

5.2 CADANGAN DAN SARANAN

5.2.1 Masyarakat

Masyarakat adalah satu komuniti yang penting di sesuatu kawasan bagi memelihara dan mempromosikan kawasan tersebut. Kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara perlu disambut dengan baik agar tidak mewujudkan tanggapan yang negatif. Dalam hal ini, Masyarakat dan pihak berkepentingan perlu memainkan peranan penting dalam usaha mengekalkan warisan yang sedia ada seperti warisan semula jadi yang terdapat di Kepulauan Warisan Mersing agar dapat dikekalkan sehingga generasi yang akan datang.

Selain itu, masyarakat juga perlu mempunyai pengetahuan tentang sejarah di sebalik keindahan kepulauan Mersing. Kebanyakan masyarakat tidak mengetahui sejarah kepulauan Mersing yang perlu dipelihara agar tidak dilupakan. Sebagai contoh, sesebuah masyarakat atau individu itu sendiri mestilah mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan sejarah di tempat tersebut dan mencari punca tarikan bagi pelancong untuk mengunjungi kepulauan warisan Mersing dan seterusnya dapat meningkatkan imej kepulauan berkenaan sebagai salah satu lokasi pilihan pelancong untuk datang berkunjung. Pengetahuan Sejarah ini penting untuk generasi akan datang supaya memberi Pelajaran yang baik.

5.2.2 Pihak bekepentingan

Pihak kerajaan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan lagi kemajuan sesebuah sektor pelancongan terutamanya di kawasan kepulauan yang terpencil dan kurang dikenali masyarakat luar. Hal ini kerana, inisiatif daripada pihak kerajaan sahaja dapat membangunkan sesebuah destinasi pelancongan terutamanya yang berasaskan pelancongan warisan kerana melibatkan kos yang tinggi dalam proses pemuliharaannya dan memerlukan pakar dalam menjaga sesebuah warisan tersebut. Oleh hal yang demikian, pihak kerajaan perlu mengangkat kepulauan warisan Mersing sebagai destinasi pelancongan yang dilihat kesan sejarah yang tersendiri.

Selain itu, agensi pelancongan juga perlu menggunakan masyarakat dalam menjalankan aktiviti *island hopping* di kepulauan Mersing. Hal ini membantu menambahkan lagi pengetahuan masyarakat setempat dalam menyampaikan sesuatu maklumat yang tepat kepada pelancong. Melalui cara ini, sejarah di sebalik kepulauan ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa agar tidak mudah dilupakan. Sebagai contoh, kewujudan perigi Hang Tuah di Pulau Tinggi perlu diwar-warkan kepada umum agar menjadi tarikan warisan kepada pelancong.

Penganjuran festival pantai mampu mendorong kehadiran pelancongan ke kepulauan warisan Mersing. Malah, ia juga mampu mendorong masyarakat mengetahui Sejarah disebalik keindahan alam sekitar yang ada di kepulauan ini. Dalam festival ini pihak bertanggungjawab perlu melakukan promosi yang boleh menarik pelancong untuk datang seperti menetapkan harga yang murah. Festival yang dibuat mestilah menekankan kepada pelancongan dan sejarah agar sejarah kepulauan ini dapat diceritakan kepada masyarakat.

Kepulauan warisan Mersing juga berpotensi sebagai tapak warisan kerana mempunyai keindahan semulajadi yang menarik. Kedudukan kepulauan ini yang saling berdekatan telah memperlihatkan keindahan pulau-pulau ini. Kerajaan mestilah mencadangkan kepulauan Mersing ini sebagai satu tapak warisan semulajadi UNESCO ataupun tapak warisan kebangsaan agar lebih dikenali oleh masyarakat. Melalui pengiktirafan ini, usaha pemuliharaan dan pelstarian dapat dilakukan dengan lebih proaktif.

5.2.3 Media Massa

Media massa adalah platform sosial yang sesuai untuk mempromosikan sesuatu perkara. Aktiviti *island hopping* di kepulauan Mersing dilihat berpotensi untuk dikembangkan kerana mempunyai aktiviti yang menarik. Promosi boleh dilakukan di aplikasi seperti Tik Tok, Instagra., Facebook dan sebagainya kerana ia mempunyai pengguna yang ramai. Trend pelancongan sekarang dilihat berkonsepkan '*healing*' dan '*nature*' sering menjadi bualan di media sosial. Oleh hal yang demikian, agen pelancongan mestilah mengambil kesempatan ini untuk mempromosikan kepulauan warisan Mersing sebagai destinasi yang perlu dikunjungi.

Masyarakat kini lebih cenderung kepada berita-berita yang *viral* kerana menjadi bualan pelbagai pihak. Liputan berita di mana-mana saluran penyiaran mampu mempromosikan kepulauan Mersing ini. Hal ini demikian kerana berita-berita tentang sesuatu perkara dapat menarik minat masyarakat tentang perkara yang disampaikan. Bukan itu sahaja, liputan daripada rancangan-rancangan televisyen juga mampu menarik minat masyarakat. Sebagai contoh, rancangan yang dibuat boleh menyiarkan aktiviti yang dilakukan dan menunjukkan keindahan yang ada di kepulauan warisan Mersing, Johor.

5.3 KESIMPULAN

Pelancongan adalah antara penyumbang utama dalam ekonomi negara. Aktiviti *island hopping* adalah satu aktiviti pelancongan yang kian mendapat tempat dalam masyarakat. *Island hopping* adalah aktiviti jelajah satu pulau kesatu pulau dengan melakukan beberapa aktiviti. Antara aktiviti yang dilakukan dalam aktiviti *island hopping* adalah *snorkeling*, *hiking*, dan *scuba diving*.

Kepulauan warisan Mersing mempunyai sejarah yang menarik untuk diterokai oleh masyarakat. Pada masa dahulu, kepulauan Mersing adalah tempat persinggahan bagi kapal pelayaran bagi pedagang dari China, Champa dan Vietnam. Pada zaman keagungan empayar Melaka, kawasan perairan Mersing dianggap penting bagi kawasan perlindungan angin dan ombak besar bagi kapal-kapal belayar ke Pahang dan selatan Johor (Coedes, 1975).

Kajian yang dilakukan ini untuk mengesan impak yang diterima oleh pihak berkepentingan daripada aktiviti *island hopping* di kepulauan warisan Mersing. Pihak berkepentingan seperti Majlis Daerah Mersing, agen pelanconga, dan pengusaha bor sewa mempunyai peranan yang tersendiri dalam menjadi pemain dalam sektor pelancongan.

Secara natijahnya, dapat disimpulkan bahawa impak aktiviti pelancongan terhadap pihak berkepentingan membawa kepada perkara yang positif sepertimana yang dibincangkan sebelum ini. Walaupun masih ada permasalahan yang berlaku seperti musim tengkujuh yang mengganggu sektor pelancongan beroperasi tetapi langkah yang diambil adalah sememangnya baik. Langkah pelestarian yang telah perlu ditambah baik agar dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalam sektor pelancongan serta sejarah kepulauan ini dapat diceritakan kepada generasi akan datang.


RUJUKAN

- Abdul Rahman, Nurzeti and Abdullah, Hasniza and Hashim, Nurul Huda. (2009). Tipologi pengunjung/pelancong domestik bagi sebuah destinasi pelancongan bandar. Kajian kes: Bandar Melaka.
- Anuar, Ahmad Nazrin Aris and Ahmad, Habibah and Jusoh, Hamzah and Abdul Karim, Muhamad Fuad and Hussain, Mohd Yusof. (2012). Peranan pihak berkepentingan terhadap pembentukan destinasi mesra pelancong.
- Jamaluddin Md. Jahi. (2009). Pembangunan pelancongan dan impaknya terhadap persekitaran fizikal pinggir pantai. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 10(2), 71-87.
- Kadir Jaafar, Mohd Suhaimi Md Yasin, Zulkiflee. (2014). Potensi Komuniti Setempat Dalam Kesenian Dan Potensi Ekopelancongan Di Weston, Beaufort Sabah. *All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, distributed, stored in a database or retrieval system, or transmitted, in any form or by any means, electronics, mechanical, graphic, recording or otherwise, without the prior written permission of Universiti Malaysia Sabah, except as permitted by Act 332, Malaysian Copyright Act of 1987. Permission of rights is subjected to royalty or honorarium payment., 21, 296.*
- Lee, Kuok Tiung and Siti Suriani Othman (2010) Pertumbuhan dan pelestarian industri eko-pelancongan: kajian pulau-pulau peranginan sekitar pantai timur, Sabah. *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 3 (2). pp. 273-294. ISSN 1979-0112.
- Mohamad Safee Sapari, Ahmad Shuib, Sridar Ramachandran & Puvaneswaran Kunasekaran. (2019). Contributions of Tourism Micro and Small Entrepreneurs to Local Community Livelihood. *SSRG International Journal of Economics and Management Studies*, 6(8), 182-189.
- Mustaffa Omar, Marsitah Mohd Radzi, Mohd Nasir Selamat, Azima Abdul Manaf, Mohd. Shamsudin & Nor Jana Saim. (2011). Faktor penentu dan implikasi fenomena depopulasi komuniti Pulau Kecil di sekitar Mersing. *Journal of Tropical Marine Ecosystem*, 1, 22-34.31
- Norlida Hanim Mohd Salleh, Tamat Sarmidi, Redzuan Othman, Abdul Hamid Jaafar & Raudha Md. Ramli. (2011). Kepuasan dan kesetiaan pelancong domestik terhadap destinasi pelancongan Pulau Kapas. *Journal of Tropical Marine Ecosystem*, 1(2011), 10-21.
- Nur Idientee Abd Halim & Er Ah Choy. (2019). Hubungkait Peranan Pihak Kerajaan Dan Pihak Industri: Pembangunan Ekopelancongan Di Pulau Langkawi, Kedah. *e-BANGI*, 16, 1-13.
- Rosniza Aznie, Mohd Azlan Abdullah Mohd Azlan Abdullah, R. Rozalini, M. Z. Rosmiza, M. N. Abdul Rahim, M. J. Mohd Fuad & L. Novel. (2012). The potential of recreational ecotourism attractions at Sungai Klah Hot Springs Recreational Park, Perak. *Geografia. Malaysian Journal of Society and Space*, 8(7), 125-134.


Siti Kasmera Ariffin, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mohd Ekhwan Toriman, Sri Winarni Samsir, Mushrifah Idris. (2021). Peluang dan potensi Hutan Lipur Sungai Sedim sebagai produk eko pelancongan di Malaysia. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

LAMPIRAN

Borang kebenaran temubual



**UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN**

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.
www.umk.edu.my

Tel : 09-7797000/7540

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
Faculty of Creative Technology and Heritage

Ruj. Kami (*Our Ref.*) : UMK.A02.600-4/7/2 JLD.21 (2)
Tarikh (*Date*) : 18 JULAI 2023

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN LAPANGAN/ TEMURAMAH BAGI KURSUS PROJEK PENYELIDIKAN II (CFT4134)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pelajar di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ temuramah di organisasi tuan bagi memenuhi keperluan kursus Projek Penyelidikan II (CFT4134) . Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

| Bil. | Nama Pelajar | No Matrik | No. K/P | Program |
|------|--------------------------------|-----------|--------------|--|
| 1. | Syed Afiq Najmi Bin Syed Nasir | C20A1477 | 000609010971 | Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepeujian |

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan. Segala kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. MADYA DR. AHMAD AZAINI BIN ABDUL MANAF
Timbalan Dekan (Akademik)

MALAYSIA

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST

KELANTAN



Soalan temu bual responden

| Bil. | Objektif kajian | Soalan Temubual |
|------|--|---|
| 1. | Mengenal pasti jenis aktiviti Island Hopping di Kepulauan Mersing | 5. Bagaimanakah aktiviti island hopping ini dijalankan? 6. Di Manakah aktiviti island hopping dijalankan? 7. Apakah keistimewaan pulau-pulau yang terlibat ini? 8. Apakah aktiviti lain selain island hopping di kepulauan warisan Mersing, Johor? |
| 2. | Membincangkan impak aktiviti Island Hopping kepada pihak berkepentingan. | 3. Apakah impak positif yang diterima oleh pihak berkepentingan? 4. Apakah impak negatif yang diterima oleh pihak berkepentingan? |
| 3. | Mengenal pasti langkah pelestarian pelancongan di kepulauan warisan Mersing, Johor | 3. Apakah usaha yang dilakukan? 4. Apakah cabaran dalam langkah pelestarian kepulauan ini |